

ملاک هاري اين  
**MELAKA HARI INI**  
 Sejak 1982

**MELAKA ONE NUMBER CALL CENTRE (ONCC)**  
 Ingin tahu nombor telefon agensi kerajaan untuk sebarang bantuan dan khidmat nasihat berkaitan Covid-19? Sita hubungi ONCC di talian:  
**06-333 3333**  
(24 jam termasuk Sabtu dan Ahad)

MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN BERSAMA TYT. YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA  
 Tun Seri Setia Hj. Mohd Ali B. Md Rustam  
 Tarikh: 13 Disember 2021  
 Tempat: Dewan Besar Melaka  
**ZAKAT TH 2020**  
 Hasil Kumpul Zakat Melaka Tahun 2020  
**RM3,321,501.26**

# Bajet 2022 fokus Sidang DUN



- Sidang DUN (khas) pasca PRN pada 27-30 Dis
- Agenda utama: Bajet 2022, perlantikan Speaker dan Timbalan Speaker
- Kesemua 28 ADUN akan angkat sumpah
- MMKN putus semua EXCO sedia Sasaran Kerangka Kerja (SKK)
- SKK mengambil kira tempoh masa 100 hari dan tahunan
- Semua EXCO juga akan dinilai berdasarkan KPI dan Report Card
- Pencapaian dibentang pada minggu pertama setiap bulan
- Jawatankuasa khas pantau manifesto BN telah dibentuk **2**

## TYT bangga pencapaian UTeM **6**

Foto : Mr Azli



(Foto: ilustrasi kereta elektrik)

## EV masa depan Melaka - Rauf



**3&4**





# Bajet 2022, pelantikan Speaker agenda utama Sidang DUN

Faiz Hasan

**SERI NEGERI** - Melaka akan membentangkan Bajet 2022 pada Persidangan Pertama (Khas) Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-15 selama empat hari bermula 27 Dis ini.

Perkara itu disahkan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dalam satu kenyataan pada 10 Dis lalu.

Menurutnya, sebagai mematuhi peraturan ditetapkan dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) serta syarat-syarat yang dikenakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Persidangan DUN akan berlangsung mulai jam 9.30 pagi sehingga jam 1 tengah hari sahaja sepanjang tempoh tersebut.

"Antara agenda persidangan tersebut adalah pembentangan Bajet 2022 Negeri Melaka; pelantikan Speaker dan Timbalan Speaker DUN serta Angkat Sumpah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri," katanya.

Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam akan merasmikan persidangan itu pada 27 Dis, diikuti pembentangan Bajet 2022 oleh Sulaiman, 28 Dis.

Dalam perkembangan lain, Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 8 Dis lalu, telah



**BAJET Melaka 2022 akan dibentangkan Ketua Menteri pada Persidangan Pertama (Khas) Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-15, 27 hingga 30 Dis ini.**

memutuskan Ahli MMKN diminta menyediakan Sasaran Kerangka Kerja (SKK) untuk portfolio masing-masing, sama seperti kakitangan awam yang perlu menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT).

Sasaran Kerangka Kerja (SKK) itu perlu mengambil kira aku janji dalam Manifesto Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

SKK itu juga perlu mengambil kira tempoh masa iaitu 100 hari, 1 tahun, 2 tahun, 3 tahun, 4 tahun dan 5 tahun selain perancangan baharu yang mahu dilaksanakan, mengikut portfolio masing-masing.

Selain itu, kerajaan negeri juga akan memperkenalkan

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Kad Laporan (Report Card) kepada semua Ahli MMKN, di mana prestasi mereka akan dinilai berdasarkan KPI dan Kad Laporan tersebut.

Ahli MMKN diminta membentangkan pencapaian semasa Sasaran Kerangka Kerja, Petunjuk Prestasi Utama dan Kad Laporan, bagi portfolio masing-masing pada minggu pertama setiap bulan.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan satu jawatankuasa khas iaitu Jawatankuasa Pemantauan Manifesto yang akan bertanggungjawab memantau pelaksanaan aku janji dan inti pati manifesto oleh semua Ahli

MMKN.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Kewangan, Fakulti Pengurusan Perniagaan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka, Dr Abdul Rahim Ridzuan menjangkakan Bajet Melaka 2022 yang akan dibentangkan itu nanti lebih memfokuskan kepada pemulihan ekonomi.

Katanya, Bajet 2022 itu juga dijangka memenangi hati rakyat dengan keterangkuman yang meluas dan inklusif termasuklah bersifat mesra rakyat, adil dan saksama dalam mendepani kehidupan pasca COVID-19.

Beliau berkata, inisiatif sedia ada termasuklah pengurangan



**DR Abdul Rahim**

cukai, bantuan tambahan dan lain-lain perlu diteruskan tahun depan agar pembangunan ekonomi yang stabil mampu dicapai.

Pada masa sama, beliau turut berharap sektor pertanian diberi penekanan bagi mengurangkan isu inflasi makanan serta kenaikan harga barangan pada ketika ini.

"Pembangunan lestari dan teknologi hijau perlu diperkaskan lagi di Melaka seperti memanfaatkan penggunaan teknologi solar di setiap bangunan-bangunan kerajaan agar hasrat mencapai penguasaan tenaga baharu dapat dicapai sekaligus mengurangkan kos penguasaan tenaga sedia ada di Melaka," katanya.

## Kutipan zakat di Melaka lebih RM85j - KM

**SERI NEGERI** - Kutipan zakat Melaka meningkat sebanyak 7.36 peratus dengan jumlah keseluruhan lebih RM85 juta dalam tempoh Januari hingga 6 Dis tahun ini.

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, jumlah kutipan zakat diterima Zakat Melaka itu bernilai RM85,562,314.55 dalam tempoh itu pada tahun ini berbanding RM79,697,415.91 dalam tempoh sama tahun lalu.

Katanya, jumlah itu menunjukkan peningkatan susulan bilangan pembayar zakat juga meningkat kepada 47,945 dalam tempoh sama pada tahun ini berbanding 45,515 tahun lalu.

"Kutipan zakat sehingga 6 Dis adalah berjumlah lebih RM85 juta iaitu peningkatan sebanyak RM5,864,898.64 atau 7.36 peratus berbanding tempoh samatahun lalu yang berjumlah lebih RM79 juta.

"Jumlah peningkatan pembayar zakat juga meningkat 5.34 peratus atau peningkatan sebanyak 2,430 orang berbanding tempoh itu pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan oleh agensi

korporat di Dewan Seri Utama, Pejabat Tuan Yang Terutama di sini, 7 Dis lalu.

Terdahulu, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menerima bayaran zakat perniagaan berjumlah RM7,463,108.03 daripada 16 agensi dan syarikat korporat di Dewan Seri Utama, pejabatnya.

Yang turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Kamel Mohamad dan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Datuk Ibrahim Fadzil.

Mengulas lanjut, Sulaiman yang juga Pengerusi Majlis Agama Islam (MAIM) berkata zakat perniagaan merekodkan jumlah kutipan tertinggi iaitu sebanyak RM50,388,815.76 atau 62.58 peratus.

"Ia diikuti dengan zakat wang simpanan dengan jumlah kutipan sebanyak 15,701,800.74 dan zakat emas perak merekodkan jumlah kutipan sebanyak RM998,253.55.

"Manakala kutipan zakat paling rendah adalah zakat pertanian berjumlah RM57,929.63, namun merekodkan peningkatan sebanyak 0.07 peratus berbanding tahun lalu dengan kutipan sebanyak RM34,825.55," katanya.



**MOHD Ali (tengah) menerima serahan zakat perniagaan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, Datuk Seri Ismail Harun disaksikan Sulaiman. (dua dari kiri).**


### WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang lelaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.  
13 - 19 Disember 2021 (8-14 Jamadilawal 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
13 DISEMBER 2021	5.52 am	7.06 am	1.08 pm	4.31 pm	7.06 pm	8.21 pm
14 DISEMBER 2021	5.53 am	7.07 am	1.08 pm	4.32 pm	7.07 pm	8.21 pm
15 DISEMBER 2021	5.53 am	7.07 am	1.09 pm	4.32 pm	7.07 pm	8.22 pm
16 DISEMBER 2021	5.54 am	7.08 am	1.09 pm	4.33 pm	7.08 pm	8.22 pm
17 DISEMBER 2021	5.54 am	7.08 am	1.10 pm	4.33 pm	7.08 pm	8.23 pm
18 DISEMBER 2021	5.55 am	7.08 am	1.10 pm	4.34 pm	7.09 pm	8.23 pm
19 DISEMBER 2021	5.55 am	7.09 am	1.11 pm	4.34 pm	7.09 pm	8.24 pm



# Kenderaan elektrik masa depan Melaka



ILUSTRASI kenderaan elektrik yang akan menjadikan Melaka sebagai hab pemasangannya suatu hari nanti. FOTO: compositeworld.com



AB Rauf

Liana Sahabudin

**SERI NEGERI** - Kenderaan Elektrik (EV) yang bakal diperkenalkan di negeri ini bakal menjadi kenderaan masa hadapan mampu dimiliki sekali gus menyokong ke arah kelestarian teknologi hijau di Negeri Melaka.

Exco Perindustrian dan Pelaburan negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata kemudahan EV itu merupakan inisiatif kerajaan negeri untuk mempertingkatkan

kualiti alam sekitar.

"Justeru dengan mewujudkan taman teknologi Melaka nanti sudah tentu produktiviti teknologi EV yang sedang kita rancang ini dapat dipercepatkan.

"Kawasan yang berteknologi tinggi ini memerlukan pelbagai kemudahan dalam teknologi 5G umpamanya, sudah pasti teknologi EV memerlukan kemudahan ini untuk membantu mereka mempercepatkan produktiviti.

"Perbincangan awal telah dilaksana-

kan dan saya telah pandu uji kereta EV ini, saya rasa ia amat baik dan kereta ini adalah kereta masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini di pejabatnya, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata, selepas melihat sendiri spesifikasi kenderaan itu, beliau percaya ia bersesuaian untuk digunakan di Malaysia.

"saya telah melihat spesifikasi memang bersesuaian di Malaysia, ianya merupakan teknologi baharu, jika dicias penuh kereta ini boleh berjalan sejauh 430 kilometer.

"Jadi teknologi baharu ini memerlukan industri hiliran untuk membantu industri pemasangan kereta ini, namun ianya terlalu awal untuk saya ketengahkan kerana segala perbincangan memerlukan satu jangka masa panjang.

"Pelaburannya agak besar tetapi mampu menarik pelabur ke Melaka dan menjadi hab pertama kompleks pemasangan di negeri ini," katanya.

Ab Rauf berkata, buat masa ini perbincangan lanjut masih diadakan dan pihaknya juga sedang mengenal pasti lokasi sesuai untuk dibangunkan hab pemasangan kenderaan elektrik itu di negeri ini.

## Melaka sedia permudah kelulusan pelaburan

**SERI NEGERI** - Exco Pelaburan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh memberi jaminan segala urusan pelaburan di negeri ini akan dipercepatkan tanpa perlu melalui proses panjang.

Katanya, kerajaan negeri akan bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk memudahkan segala proses pelaburan di negeri ini, termasuk aspek pembezaan pelaburan.

Jelasnya, kemudahan itu dijangka dapat membantu bukan sahaja ekonomi negeri, bahkan berupa membuka lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat negeri ini.

"Saya telah mendapat khidmat nasihat MIDA yang memaklumkan segala kemudahan ini akan dipandu MIDA yang mana mereka juga akan memberikan insentif-insentif baharu kepada pelabur yang datang.

"MIDA juga telah nyatakan pada saya dalam satu terma ba-

haru bahawa mereka akan cuba membantu pelabur yang berminat membuka perusahaan di Melaka.

"MIDA juga memaklumkan bahawa Project Acceleration and Coordination Unit (PACU) adalah antara khidmat untuk memberi insentif terbaik kepada pelabur mengikut bidang masing-masing," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata, PACU yang diperkenal MIDA akan memainkan peranan untuk memudahkan perolehan lesen perkilangan, lesen pembuatan dan insentif-insentif lain.

"Pada masa sama, MIDA juga akan membantu kerajaan negeri menjadi pemudah cara untuk pelabur mendapat kelulusan secepat mungkin.

"Jadi, ini dapat mengelakkan kerenah birokrasi dan mempercepatkan proses untuk pelaburan baharu beroperasi di Melaka," katanya lagi.



AB Rauf dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

## Cadang wujudkan Melaka Hi Tech Park

**SERI NEGERI** - Kerajaan negeri bercadang mewujudkan 'Melaka Hi Tech Park' sebagai kawasan industri baharu yang berteknologi tinggi.

Exco Perindustrian dan Pelaburan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata pembangunan taman tek-

nologi seakan Kulim Hi Tech Park (KHTP) itu bakal menyediakan pelbagai kemudahan selaras dengan peredaran zaman yang serba maju dan canggih.

"Saya telah mendapat maklum balas dari agensi, saya berpendapat bahawa Melaka

seharusnya mempunyai satu kawasan industri baharu berteknologi tinggi umpama Kulim Hi Tech (KHTP).

"Kita juga mengidamkan dan mengimpikan bahawa Melaka ada juga satu kawasan baharu iaitu Melaka Hi Tech Park (Taman

Teknologi Melaka)," katanya dalam satu wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan lanjut mengenai hasrat tersebut bersama Lembaga Pembangunan Pelabu-

ran Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM).

"Perbincangan ini juga akan mengenal pasti kawasan baharu yang kita akan majukan infrastrukturnya mengikut zaman teknologi ini," katanya lagi.





MELAKA sedia membuka lebih banyak peluang buat usahawan muda untuk berniaga di lokasi tumpuan pelancongan. FOTO: Mr Azli

## Melaka buka peluang buat usahawan muda

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**SERI NEGERI** - Kerajaan negeri sedia membuka peluang kepada usahawan muda di negeri ini untuk berniaga di lokasi strategik yang menjadi tumpuan pelancong.

Exco Keusahawanan negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, antara lokasi perniagaan yang akan dibuka kepada usahawan muda termasuklah di kawasan-kawasan pelancongan iaitu di sepanjang koridor Sungai Melaka sehinggalah ke Banda Hilir.

Selain itu, beliau juga akan memperjuangkan sebuah lokasi perniagaan baharu kepada usahawan kecil dan usahawan muda yang berminat meneroka bidang perniagaan.

"Saya melihat perlunya ada satu tarikan perniagaan baharu

untuk k-ekonomi yang membabitkan usahawan-usahawan muda di negeri ini.

"Jadi saya sedang meneliti dengan pihak berkuasa tempatan supaya diberikan ruang di sepanjang koridor pelancongan negeri ini iaitu dari Sungai melaka hinggalah ke Dataran Pahlawan untuk memberikan ruang buat mereka.

"Kerjasama dengan pihak swasta juga akan dilakukan supaya dapat memberikan insentif pelaburan untuk membantu usahawan muda ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu wawancara khas bersama Melaka Hari Ini di pejabatnya, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ab Rauf memaklumkan seramai 71,747 usahawan perusahan kecil dan sederhana (PKS) di negeri ini telah

mendapat bantuan dan bimbingan SME Corporation Malaysia (SME Corp).

Katanya, SME Corp turut menyediakan geran berjumlah RM15,000 di bawah Tunas Usahawan Bumiputera (TUBE) kepada usahawan muda berusia 18 hingga 30 tahun.

"Seluruh Melaka kita telah melatih 246 usahawan yang mana kita ada 55 di daerah Alor Gajah, 133 di Melaka Tengah dan 58 di Jasin yang telah dilatih dan dibimbing setakat ini.

"Jadi untuk tahun 2022, kita akan buka lagi peluang ini untuk membantu anak muda membuka perniagaan sama ada dalam bentuk kendera saji (food truck) atau gerai-gerai bertaraf antarabangsa yang boleh menarik kehadiran pelancong," katanya.



## Tambah baik kemudahan, keselamatan di kawasan perindustrian

**SERI NEGERI** - Penambahbaikan dalam aspek kemudahan dan kawalan keselamatan di kawasan perindustrian menjadi antara agenda utama kerajaan negeri, kata Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Beliau yang juga Exco Perindustrian negeri berkata, memandangkan kawasan perindustrian di negeri ini sudah dimulakan sejak 40 tahun lalu, terdapat beberapa kemudahan khususnya membabitkan infrastruktur dan logistik perlu dinaik taraf.

Penambahbaikan itu juga, katanya, sangat penting dalam menjadikan Melaka sebuah negeri yang selamat dan mampu menarik kehadiran pelabur dalam membuka lebih banyak peluang pekerjaan baharu di negeri ini.

"Di antara perkara yang sedang diteliti ialah pengurusan kawasan industri ini harus ditambah baik mengikut kesesuaian pada masa sekarang, termasuk dari sudut jaminan keselamatan.

"Selain itu, kemudahan perdagangan, penghantaran, penerimaan dan logistik juga perlu diberikan tumpuan untuk di-

tambah baik.

"Jadi, saya sedang memohon maklum balas daripada pihak pemain industri bagaimana untuk kerajaan negeri memberikan sokongan dan mencapai kata sepakat dalam penambahbaikan kawasan perindustrian ini untuk kebaikan negeri," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini di pejabatnya, baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ab Rauf yang juga Exco Pelaburan dan Keusahawanan menyuarakan keyakinan Melaka akan terus menjadi destinasi pilihan pelabur untuk sektor perindustrian.

Katanya, iaberkait lokasi Melaka yang strategik dan mudah diakses melalui jalan darat, laut mahupun udara.

"Semua negeri mempunyai kawasan perindustrian tetapi istimewanya Melaka ialah kerana kita berdekatan dengan pelabuhan iaitu Pelabuhan Klang di Selangor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor.

"Selain itu, negeri ini juga berhampiran lapangan terbang di KLIA yang membolehkan segala proses mengurus dan menghantar jadi lebih mudah," katanya lagi.



MELAKA dijangka bakal memiliki sebuah taman tema bertaraf dunia yang akan dibangunkan di kawasan M-WEZ. Gambar hiasan - Kredit: media.architecturaldigest.com

## Taman tema bertaraf dunia bakal dibina di Melaka

**SERI NEGERI** - Sebuah taman tema baharu bertaraf dunia dijangka akan dibangunkan di Melaka pada masa akan datang, kata Exco Pelaburan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Katanya, taman tema baharu itu bakal menjadi satu nilai tambah baharu dalam sektor pelancongan negeri ini.

Beliau berkata, lokasi taman tema itu dijangka akan dibangunkan di kawasan koridor ekonomi pesisir pantai Melaka atau lebih dikenali sebagai M-WEZ.

"Taman tema baharu bertaraf dunia ini masih berada pada peringkat rundingan awal.

"Tetapi kita sudah kenal pasti kawasan koridor ekonomi M-WEZ (untuk dibangunkan taman tema) sekiranya perbincangan ini dapat dimeterai.

"Insyallah Melaka

mampu menarik pelabur untuk melabur dalam taman tema yang dijangka menelan belanja yang cukup besar ini," katanya dalam wawancara khas bersama Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, Ab Rauf turut menzahirkan keyakinan pembangunan taman tema baharu itu bakal menjadi ikon baharu dalam menarik bukan sahaja kehadiran pelancong domestik, bahkan juga pelancong luar negara.

### RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 13 DISEMBER - 16 DISEMBER 2021

Isnin 13/12/2021	Selasa 14/12/2021	Rabu 15/12/2021	Khamis 16/12/2021
Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di beberapa tempat di kawasan pedalaman Malam: Hujan di satu dua tempat Min: 23° / Maks: 31°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Hujan di satu dua tempat Min: 23° / Maks: 31°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Hujan di satu dua tempat Min: 23° / Maks: 31°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu dua tempat Malam: Hujan di satu dua tempat Min: 23° / Maks: 32°





# *Sekalung Tahniah*

— Kepada —

**Datuk Wira Justin Lim Hwa Tat**  
Ketua Pegawai Eksekutif Melaka United FC

— Di Atas Penganugerahan —

**Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM)**

— Sempena —

# *Sambutan Hari Jadi Ke-72*

Yang di-Pertua Negeri Melaka

SETULUS IKHLAS DARIPADA



Melaka United Football Club





MAJLIS Konvokesyen Ke-16 UTeM buat pertama kalinya diadakan dalam suasana norma baharu dengan konsep TUAH Virtual Convo Fest 2012 (TUAH VCF'21) yang dirasmikan Canselor UTeM merangkap Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia (Dr) Mohd Ali Mohd Rustam. Foto: Azren Jamaludin

## Tun Mohd Ali bangga pencapaian UTeM

Liana Sahabudin

**DURIAN TUNGGAL** - Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Dr Mohd Ali Mohd Rustam berbangga dengan pencapaian Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang tersenarai di Badan Penilai Dunia QS Ranking International dan Times Higher Education World University Ranking.

Beliau berkata, pencapaian itu sekali gus memberi pulangan penarafan tertinggi kepada impak pembangunan ekonomi, pendidikan dan pelancongan Melaka.

"Ini kerana agenda kerajaan negeri adalah menjadikan Melaka sebagai wadah 'Melaka Hab Pendidikan'.

"Kemasukan pelajar-pelajar dari pelbagai negara antaranya UEA, Kanada, China, Jordan, Mesir dan Indonesiaini akan membantu dalam inisiatif tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Konvokesyen UTeM Ke-16 di Dewan Canselori Kampus Induk UTeM, 9

Disilalu.

Hadir sama, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Kamel Mohamad.

Mengulas lanjut, Tun Mohd Ali yang juga Canselor UTeM menyeru para graduan untuk menerapkan azam menceburi sesuatu yang luar biasa memandangkan keadaan ekonomi yang mencabar pada masa ini.

"Kebergantungan pada pasaran kerja tempatan sahaja sudah tidak memadai.

"Percayalah perubahan ini akan memberi impak yang besar kepada graduan semua dan menjadi kebanggaan ibu bapa, bangsa dan negara," katanya.

Terdahulu Tun Mohd Ali menyampaikan anugerah kepada 213 graduan bagi sesi pertama konvokesyen tersebut.

Untuk rekod konvokesyen UTeM kali ini menyaksikan seramai 2,979 graduan di peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Doktor Kejuruteraan, Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma akan menerima penganugerahan.



YANG di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam (kiri) menyampaikan Anugerah Pelajaran Diraja kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) dengan kepujian, Chuan Chuan You pada Majlis Konvokesyen Ke-16 UTeM di Dewan Canselori, Kampus Induk UTeM. Foto: MR. Azli

## Bangkit dari kegagalan jadi graduan cemerlang



GRADUAN Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan dengan kepujian, Nurin Aris (kanan) bersama graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Pengurusan Pangkalan Data) dengan kepujian, Chuan Chuan You (kiri) menerima Anugerah Pelajaran Diraja pada Majlis Konvokesyen Ke-16 UTeM di Dewan Canselori, Kampus Induk UTeM. Foto: MR. Azli

**DURIAN TUNGGAL** - Meskipun pernah gagal dalam program Asasi Kejuruteraan ketika melanjutkan pelajaran di sebuah universiti awam beberapa tahun lalu tidak mematahkan semangat seorang anak gadis dari Selangor untuk bangkit mencipta kejayaan.

Nurin Aris, 24, kini membuktikan dengan kegigihan dia berjaya memperoleh Anugerah Pelajaran Diraja Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Graduan Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan Dengan Kejujian itu berkata, walaupun pernah kecewa dengan hanya memperoleh keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) bawah 3.0 pada tahun 2015-2016 lalu, namun berkat dorongan dan sokongan ibu bapa akhirnya dia berjaya mencapai kejayaan yang diidamkan.

"Tiada rahsia untuk berjaya tapi paling utama adalah sokongan dan dorongan daripada kedua ibu bapa saya sebab saya pernah berada di bawah sebelum ini.

"Tanpa ibu bapa dan keluarga

saya takkan berada di sini, satu perkara yang selalu saya cakap...kenali diri sendiri, kenali cara dan belajar jangan ikut orang because you know are (sebab kita tahu siapa kita) bila tahu siapa diri kita, kita boleh ke hadapan," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis tersebut.

Anak sulung daripada tiga beradik itu menerima anugerah tersebut daripada Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia Dr Mohd Ali Mohd Rustam selaku Canselor UTeM pada Majlis Konvokesyen UTeM Ke-16 di Dewan Canselori UTeM, 9 Dis lalu.

Nurin yang kini sedang melanjutkan pelajaran bagi Peringkat Sarjana Sains (Teknologi) di UTeM turut menyimpan impian untuk bergelar seorang usahawan tudung suatu hari nanti.

Sementara itu, Chuan Chuan You, 24, dari Fakulti Teknologi Maklumat Komunikasi (FTMK) turut menerima anugerah yang sama sekali gus menjadi kebanggaan kepada ibu bapanya.

"Saya rasa bersyukur dapat

anugerah diraja ini, untuk dapat anugerah ini saya sertai banyak pertandingan di universiti, saya pernah mewakili UTeM dalam pertandingan peringkat nasional dan selepas itu ke peringkat ASEAN dan antarabangsa.

"Rahsia untuk berjaya tak banyak cuma kita kena buat dengan semangat, lepastu bagi 100 peratus fokus dan usaha kita," katanya yang merupakan anak kedua dari tiga beradik yang berasal dari Johor Bharu.

Selain Nurin dan Chuan You, tiga lagi graduan turut menerima anugerah sama iaitu Ooi Wei Zheng (Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Automasi, Industri dan Robotik)); Eleeza F Natasya Khairul Herman (Ijazah Sarjana Muda Teknousahawanan) dan Dr Nor Ayuma Mat Tahir (Ijazah Doktor Falsafah dalam Kejuruteraan Mekanikal).

Pada majlis itu, UTeM turut menyampaikan anugerah kepada 18 Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) Negeri Melaka yang menerima Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan Pengkhususan Pengurusan Teknologi & Inovasi.



# Setinggi-tinggi Tahniah



— Kepada —

**Datuk Kamarudin Bin Ahmad**

— Di atas penganugerahan —

**Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M.)**

— Sempena —

## Sambutan Hari Jadi Ke-72

**Yang di-Pertua Negeri Melaka**

*Setulus Ikhlas Daripada*



Pengarah Urusan dan Kakitangan My Qalam (M) Sdn Bhd



## Sekitar Majlis Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka sempena Sambutan Hari Jadi ke-72 Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam 4 dan 5 Dis lalu



**YANG di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menganugerahkan Darjah Gemilang Seri Melaka (D.G.S.M.) yang membawa gelaran Datuk Seri kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021 di Balai Istiadat Seri Negeri.**

Foto: MR. Azli



**PANGLIMA Tentera Darat Jeneral Tan Sri Zamrose Mohd Zin menerima Darjah Gemilang Seri Melaka (D.G.S.M.) yang membawa gelaran Datuk Seri daripada Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.** Foto: MR. Azli



**YANG di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menganugerahkan Darjah Cemerlang Seri Melaka (D.C.S.M.) kepada Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali pada sesi kedua Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021 di Balai Istiadat Seri Negeri.** Foto: Azren Jamaludin



**TIMBALAN Ketua Polis Melaka Datuk Razali Abu Samah menerima Darjah Mulia Seri Melaka (D.M.S.M.) yang membawa gelaran Datuk kepada pada sesi ketiga Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021 di Balai Istiadat Seri Negeri.** Foto: MR. Azli



**YANG di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menganugerahkan Darjah Pangkuan Seri Melaka (D.P.S.M.) kepada Datuk Dr Sulong Yahya.**

**PEGAWAI Komunikasi Strategik Dan Media kepada Ketua Menteri Melaka Mohd Fairuz Zaidan menerima Bintang Khidmat Terpuji pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021.** Foto: Azren Jamaludin



**CHONG Fong Chern, Pembantu Penerbitan Pejabat Ketua Menteri Melaka menerima Pingat Jasa Kebaktian pada Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021.** Foto: Azren Jamaludin





# Sekitar Majlis Makan Malam sempena Hari Jadi Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam ke-72



TUN Mohd Ali dan Toh Puan Asmah bergambar bersama semua pemimpin negeri yang hadir ke Majlis Sambutan Hari Jadi Ke-72 Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Melaka.



TUN Mohd Ali dan isteri Toh Puan Datuk Wira Asmah Abd Rahman dalam upacara memotong pulut kuning sempena sambutan hari jadinya ke-72.



TUN Mohd Ali berucap sesuatu ketika diiringi Sulaiman dan Ab Rauf ketika menghadiri Majlis Sambutan Hari Jadi Ke-72 di sebuah hotel di Banda Hilir.



BACAAN doa untuk Majlis Sambutan Hari Jadi Ke-72 Tun Mohd Ali.



TUN Mohd Ali bersama Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan Exco Pelaburan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh disambut tetamu pada Majlis Sambutan Hari Jadi ke-72 Tun Mohd Ali di sebuah hotel di Banda Hilir



# SOP ketat kekang kluster PRN - Exco

Faiz Hasan

**MERLIMAU** - Prosedur operasi standard (SOP) yang ketat serta kadar vaksinasi penduduk yang tinggi menjadi antara faktor kejayaan mengekang kewujudan kluster Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, kata Dr Muhammad Akmal Saleh.

Beliau yang juga Exco Kesihatan negeri berkata, perkara itu dapat dibuktikan apabila hanya terdapat 4.6 peratus peningkatan kes jangkitan dikesan sejak dua minggu lalu iaitu selepas berakhirnya PRN.

"Kita berjaya mengawal kadar jangkitan COVID-19 ketika PRN dan jika dibandingkan dengan PRN Sabah dalam masa dua minggu sahaja kadar kes (kenaikan) adalah sebanyak 70 peratus tetapi kita hanyalah 4.6 peratus.

"Maka, ini menunjuk-



MUHAMMAD Akmal

kan satu penanda yang positif bagi segala usaha yang telah kerajaan lakukan dan kita doa agar wabak ini dapat kita atasi dengan sebaik mungkin.

"Maka saya percaya jika PRU 15 yang mendatang, kita tak perlu takutkan rakyat,

kalaupun kita pastikan SOP ini dipatuhi. Insya-Allah kita berjaya untuk mengekang wabak COVID-19," katanya pada sidang media di Japerun Merlimau, 6 Dis lalu.

Beliau berkata, setakat 8 Dis, hanya terdapat satu

kluster sahaja bersangkutan dengan PRN Melaka iaitu membabitkan dua buah madrasah yang telah merekodkan 137 kes positif COVID-19 termasuk pelajar.

Katanya, kluster yang dikenali sebagai Kluster Pulau Gadong itu membabitkan penularan jangkitan daripada tenaga pengajar di dua buah sekolah yang terlibat dalam PRN lalu yang dikesan pada 25 Nov.

Beliau bagaimanapun yakin kluster itu tidak akan merebak ke komuniti susulan tindakan pantas yang dijalankan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dalam mengawal penularan wabak itu.

"Saya percaya kes ini tidak akan tersebar ke komuniti memandangkan kesemua mereka telah dikuarantin lebih awal iaitu bermula 25 Nov lalu.

"Jadi, orang ramai tidak perlu gentar dengan kluster

ini kerana saya percaya Jabatan Kesihatan dapat mengawal kluster ini lebih awal.

"Kesemua 137 yang positif juga hanyalah berada dalam kategori 1 dan 2 sahaja dan insya-Allah jika tiada kes baharu, tempoh kuarantin mereka akan tamat pada 14 Dis ini," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Akmal memaklumkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) di

Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), akan dilanjutkan untuk tempoh enam bulan lagi.

Pelanjutan itu bagaimanapun bukanlah disebabkan disebabkan berlakunya peningkatan mendadak kes positif COVID-19 di negeri ini, sebaliknya, sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya berlaku gelombang baharu wabak varian terkini COVID-19.

## Melaka akan pastikan tiada pelajar tercicir

**PAYA RUMPUT** -

Tumpuan khusus akan diberikan oleh kerajaan negeri dalam memastikan tiada pelajar dan murid di negeri ini yang tercicir mahupun berhenti sekolah akibat kesempitan hidup.

Exco Pendidikan Datuk Rais Yasin berkata, adalah menjadi keutamaan dalam memastikan anak-anak mendapat pendidikan sewajarnya walaupun berdepan masalah tertentu.

Beliau berkata, pada Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) pertama yang diadinkannya, pemasalahan itu akan difokuskan dalam memastikan tiada pelajar yang tercicir di Melaka.

"Anak-anak sewajarnya mendapat pendidikan dan mereka yang tercicir disebabkan masalah keluarga serta kemiskinan bukan alasan untuk pihaknya bersikap menutup mata.

"Sebaliknya anak-anak ini perlu dikenal pasti supaya dapat dibantu. Masyarakat juga perlu turut sama membantu kerana terdapat bantuan persekolahan buat golongan ini," katanya ketika dihubungi.

Beliau yang juga Exco Teknologi negeri berkata, beberapa agensi termasuk Pusat Zakat Melaka, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) mempunyai bantuan yang boleh disalurkan kepada pelajar dan murid ini agar mereka dapat meneruskan sesi persekolahan seperti biasa.

"Untuk tempoh ini saya belum ada data murid dan pelajar yang terpaksa berhenti sekolah.

"Saya berpegang, anak-anak yang dilahirkan tidak kira apa pun statusnya harus mendapat pendidikan sewajarnya kerana hanya pendidikan dapat mengubah nasib mereka," katanya.



RAIS

## 100 'mata-mata' pantau harga barang

Siti Salehah

**PENGKALAN BATU** - Seramai 100 pegawai termasuk penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri digerakkan bagi menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan membabitkan harga barangan di seluruh negeri.

Exco Hal Ehwal Pengguna negeri Ngwe Hee Sem berkata, pasukan itu digerakkan setiap hari seawal jam 4 pagi hingga 10 malam di lapangan membabitkan pemeriksaan di ladang, pengeluaran hinggalah ke peruncit.

Beliau berkata, tindakan itu bagi mengekang kenaikan harga dan mengesan tindakan pihak yang cuba mengambal kesempatan.

"Mereka ini dibahagikan mengikut kumpulan dan akan digerakkan secara penggiliran setiap hari termasuk pada cuti umum. Untuk kami tiada istilah untuk cuti sekejap.

"Kita akan bergerak ke semua rantai dari ladang, penternak, peladang, pemborong, peruncit sehinggalah ke pengguna," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan Walkabout dan Perasmian Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) Peringkat negeri yang turut dihadiri Pengarah KPDNHEP negeri Norena Jaafar, 7 Dis lalu.



HEE Sem (kiri) dan Norena merasmikan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) Peringkat Negeri Melaka.

Menurut beliau, sejak Januari hingga semalam, KPDNHEP hanya menerima enam aduan membabitkan kenaikan harga telur dan ayam manakala tiada notis untuk sayur.

"Semua mendapat harga jualan ayam paling tinggi di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dengan harga RM9.90 sekilogram dan mereka sudah diberikan notis pemakluman," katanya.

Sementara itu, mengulas lanjut beliau berkata, SHMKM berkuatkuasa bermula hari ini sehingga 31 Disember membabitkan kawalan harga 12 barangan termasuk telur dan beberapa jenis

sayuran.

"Diharap langkah ini akan berjalan lancar dan membantu menstabilkan harga barangan di pasaran selain senarai barangan akan dikaji secara berterusan dan akan ditambah atau digugurkan berdasarkan penilaian situasi pasaran.

"Manakala bagi sayur, harga kawalan akan ditentukan di peringkat borong dan runcit.

"Semua pihak diseluruh rantai bekalan daripada kalangan pengeluar, pemborong, pengedar dan penjual diincentkan mematuhi harga skim sekiranya tidak tindakan tegas akan dikenakan," katanya.

<b>MELAKA HARI INI</b> NO. TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316		<b>WARTAWAN</b> MOHD FAIZ ABU HASAN faizhasan@melakaharini.my	<b>WARTAWAN</b> LIANA SAHABUDIN lilyann90@melakaharini.my FIQA JAMAL norafiqahjamil93@gmail.com	<b>REKABENTUK &amp; GRAFIK</b> AMBRAN MOHAMED ambran@melakaharini.my	<b>PEMASARAN</b> PENGURUS MUHAMMAD HAMZI ROSMANI amz@melakaharini.my 018 - 329 9936	<b>UNIT MEDIA SOSIAL</b> EKSEKUTIF IZaida RAIHANAH IDRIS izalihanah363@gmail.com SHARIFAH NORKHALIDAH SYED KHAIDZIR khalidah@melakaharini.my	<b>MELAKA TV</b> KETUA ASHALIA YUSOF ashalia.yusof@melakaharini.my PENYUNTING VIDEO RABIAH OSMAN osmanrabiah@melakaharini.my JURUKAMERA ISMAIL IBRAHIM dakmail92@melakaharini.my	<b>WARTAWAN PENYIARAN</b> MOHAMAD FARIS HAIKAL farishkal.zakaria@melakaharini.my AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI aulfazati98@melakaharini.my AMIRUL RAMLI amirul@melakaharini.my
PEMANGKU PENGARANG MOHD FAZRUL ABDUL MAJID fazrul@melakaharini.my	PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT ABDUL JALIL JAMAR abduljaliljamar@gmail.com	JURUFOTO KANAN AZREN JAMALUDIN m.azren86@gmail.com	FARAH SUHAIDAH OTHMAN farahothman@melakaharini.my	MIMIE AZURA ABU BAKAR mimieazura1981@melakaharini.my				





# MIMBAR MAIM

“Be na r-ben a r s a n g a t b e r u n t u n g o r a n g - o r a n g y a n g m e m b e r s i h k a n d i i d e n g a n b e r i m a n d a n s e n t i a s a b e r z i k i r m e n y e b u t n a m a T u h a n n y a s e r t a m e n g e r j a k a n s e m b a h y a n g .” (Sura h Al-A’la , a y a t 14-15)

“D e m i s e s u n g g u h n y a ! K a m i a k a n m e n g u j i k a m u d e n g a n s e d i k i t k e t a k u t a n , k e l a p a r a n , d a n k e k u r a n g a n d a r i h a r t a b e n d a s e r t a j i w a d a n h a s i l t a n a m a n . D a n b e r l a h k h a b a r g e m b i r a k e p a d a o r a n g y a n g s a b a r .” (Sura h Al-Ba q a r a h , a y a t 155)

## Amalkan konsep keluarga sunnah

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**MELAKA TENGAH** - Saudara muslim atau muallaf di negeri ini merupakan golongan yang sentiasa di beri perhatian khususnya dalam memastikan akidah Islam mereka dijaga sebaiknya.

Peranan Bahagian Balai Islam Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam memberi panduan ilmiah dan kerohanian sentiasa dilaksanakan untuk memberi pemahaman yang jelas kehidupan dalam

Islam.

Program dan kursus berbentuk ilmiah antaranya Program Keluarga Sunnah yang telah dilaksanakan baru-baru ini menjadi titik tolak membentuk keharmonian keluarga berlandaskan syariat Islam.

Seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada saudara muslim hadir pada program berkenaan yang telah diadakan di sebuah hotel di negeri ini.

Konsep keluarga sunnah merupakan penerapan nilai keluarga yang disemaikan kepada setiap in-

dividu muallaf yang juga bertujuan memberi panduan kepada mereka menjalani kehidupan sebagai musli sejati.

Semai ilmu asas agama antaranya ilmu fardu ain juga ditekankan dalam program berkenaan bagi memberi peluang kepada asnaf muallaf ini mendalami ilmu asas agama dengan lebih konsisten.

Program itu juga membantu mengenali diri mereka sendiri yang sebelum ini telah terbiasa dengan kehidupan bukan Islam dan memastikan jiwa mereka suci dan ber-

sih dalam memulakan kehidupan yang lebih baik.

Proses pengenalan sahsiah diri berteraskan syariat Islam turut di beri penekanan tambahan supaya akidah yang disemai mampu menjadi rutin harian dalam kehidupan mereka.

Cabaran yang paling besar pastinya bagi mengekal keimanan dalam diri mereka dengan di kelilingi fenomena dunia sekarang yang tiada sempadan khususnya aspek kerohanian dan tatacara amalan hidup sebagai seorang muslim.



SEBAHAGIAN peserta kursus bergambar bersama urusetia program



SALAH seorang peserta yang hadir pada program itu.

**LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN**

<b>Melaka Tengah</b>	06-283 7416 / 06-284 9809 06-288 1881 / 06-288 1882	<b>Jasin</b>	06-529 8415 06-529 8417
<b>Alor Gajah</b>	06-384 2699	<b>Merlimau</b>	06-263 9505
<b>Website</b>	www.maim.gov.my	<b>Email</b>	admin@maim.gov.my
<b>Youtube</b>	majlis agama islam melaka	<b>Facebook</b>	facebook/maimmelaka



Zakat **Diberkati**, Asnaf **Disantuni**

“Pengagihan zakat yang telus amanah kami”



Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my



JABATAN Mufti Negeri Melaka (JMNM) dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah menganjurkan program Muzakarah Pemerkasaan Wakaf Pendidikan Negeri Melaka baru-baru ini. Muzakarah berkenaan diketuai oleh Mufti Kerajaan Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil bersama ahli jawatankuasa Majlis Fatwa Negeri Melaka membincangkan berkaitan isu wakaf pendidikan serta jalinan kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi di negeri ini. Wakaf pendidikan bukan sahaja dalam bentuk kewangan, namun ia turut merangkumi ilmu dan kemudahan pusat pendidikan yang lebih baik.

**PRIHATIN...**Skuad Agihan Zakat MAIM (SAZ) diketuai Pegawai Zakat Daerah Melaka Tengah, Nazri Rahim menyantuni asnaf yang juga seorang ibu tunggal, Sallizah Mohamad Said di Kampung Kerubong. MAIM telah menyampaikan sumbangan wang tunai dan kit makanan bagi meringankan beban keluarga berkenaan. SAZ juga turut mempertimbangkan beberapa bantuan yang bersesuaian dalam usaha membantu keluarga ini.





# Jangan bertangguh, bersegeralah

**Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadzil**

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka.



**SIKAP** bertangguh atau melambat-lambatkan sesuatu pekerjaan tidak digalakkan kerana ianya bukanlah amalan yang baik. Kebiasaannya apabila mengamalkan kerja yang bertangguh atau sengaja melambat-lambatkan, ianya akan membuahkan hasil yang tidak sempurna. Adakalanya, kerja tersebut langsung tidak menjadi atau terbengkalai begitu sahaja.

Agama Islam sangat mengajar umatnya untuk melakukan sebarang kerja yang telah diamankan dengan teliti dan sempurna. Dalam erti kata lain, umat Islam diajar supaya sentiasa bersemangat dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Begitu juga dengan kewajipan melaksanakan Rukun Islam yang lima tersebut. *Ini bertepatan dalam hadis Nabi SAW; "Dari Abu Abdurrahman, Abdullah Ibnu Umar Ibnu Khattab RA ianya berkata, "Aku pernah mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Islam dibangunkan di atas lima tiang iaitu bersaksi bahawa tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah SWT dan Muhammad utusan Allah SWT, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan berpuasa pada bulan Ramadan". (Riwayat Tirmizi & Muslim).*

Rukun Islam yang berperanan bagi menjaga hubungan sesama manusia iaitu pelaksanaan ibadah zakat. Ini kerana, golongan kaya dapat membantu meringankan bebanan hidup golongan miskin yang memerlukan. Ibadah zakat wajib ditunaikan

“ Ibadah zakat wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam yang telah mencukupi syarat-syarat wajib zakat. Rukun Islam wajib dipatuhi, jika sengaja meninggalkannya maka tidak sempurna Rukun Islam tersebut. Agama Islam mewajibkan umatnya mengadakan solat sekiranya tertinggal ibadah tersebut. Begitu juga hukumnya sekiranya kita meninggalkan dan menangguhkan ibadah zakat, maka wajib juga mengadakan zakat tersebut. Ianya merupakan hutang kita kepada Allah SWT, sekaligus merupakan saham akhirat kita nanti.

oleh setiap umat Islam yang telah mencukupi syarat-syarat wajib zakat. Rukun Islam wajib dipatuhi, jika sengaja meninggalkannya maka tidak sempurna Rukun Islam tersebut. Agama Islam mewajibkan umatnya mengadakan solat sekiranya tertinggal ibadah tersebut.

Zakat merupakan satu perkara yang membentuk kemajuan pembangunan ekonomi umat Islam keseluruhannya melalui pengeluaran zakat dan pengagihan zakat kepada golongan-golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 60 yang bermaksud: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu

ialah) sebagai satu ketetapan (yang datang-nya) dari Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

Justeru itu, sebagai umat Islam yang sejati wajiblah melaksanakan pelunasan zakat dengan segera tanpa melengahkannya. Ianya penting bagi memastikan keperluan asnaf zakat dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin bagi membantu mereka

meneruskan kehidupan seharian seterusnya dapat menjamin kestabilan ekonomi umat Islam sejagat. In Sha Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut. Sekian terima kasih.



**Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154**

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

**Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
: Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
- (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)**

Talian Zakat: **1-300-88-0233** Zakat Melaka [zakat.melaka](https://www.instagram.com/zakat.melaka) [www.izakat.com](http://www.izakat.com)



Hanya **2.5%**

“Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi”

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)



Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my



SEBAHAHAGIAN agensi korporat hadir menyampaikan sumbangan zakat perniagaan yang telah disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd. Ali Mohd. Rustam. Sebanyak 16 agensi korporat telah menyempurnakan zakat berkenaan berjumlah RM 7.4 juta. Hadir sama di majlis berkenaan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali.



PROSES pengalihan kubur lama telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Seksyen MAI di kawasan Masjid Machap dalam DUN Durian tunggal. Kerja-kerja berkenaan dipantau ketat oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG).



# Ucapan Taat Setia Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021

**ASSALAMUALAIKUM** Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia. Kehadapan Yang Dikasih; Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang Dipertua Negeri Melaka; Yang Amat Berbahagia; Toh Puan Datuk Wira (Dr.) Hajah Asmah Binti Abdul Rahman;

Bagi memulakan majlis pada pagi yang indah, penuh barokah lagi bererti ini, izinkan saya memetik mafhum firman Allah SWT dalam Al-Quran daripada Surah Ali-Imran, ayat 26, sebagai suluh pedoman, lalu dijadikan petunjuk jalan.

“Katakanlah (wahai Muhammad): “wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan! Engkaulah yang memberi kuasa pemerintahan kepada sesiapa yang engkau kehendaki, dan engkaulah yang mencabut kuasa pemerintahan dari sesiapa yang engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan sesiapa yang engkau kehendaki, dan engkaulah yang menghina sesiapa yang engkau kehendaki. Dalam kekuasaan engkaulah sahaja adanya segala kebaikan. Sesungguhnya engkau Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

Hari ini, di dalam suasana majlis yang penuh saadah ini, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka dan seluruh kepimpinan negeri, serta sekalian rakyat Melaka, memanjatkan rasa syukur kepada Allah SWT, dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, sempena Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Tuan Yang Terutama Tun yang ke-72.

Tahun ini merupakan tahun kedua Tuan Yang Terutama Tun menaungi Negeri Melaka. Saya dan seluruh barisan kepimpinan negeri serta rakyat Melaka berasabangsa dan bertuah dapat bernaung di bawah Tuan Yang Terutama Tun sejak 5 haribulan Jun 2020 yang lalu.

Diam tak diam juga, ini merupakan kali kedua saya berada dalam majlis istiadat ini. Secara peribadi, saya bersyukur kerana mempunyai seorang ketua negeri yang memiliki minat yang mendalam terhadap kemajuan negeri dan kesejahteraan rakyat.

Kita telah bersama-sama menerajui Kerajaan Negeri Melaka di bawah naungan Tuan Yang Terutama Tun. Barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bersama-sama Tuan Yang Terutama Tun telah merancang pembangunan negeri ini melalui Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) yang sentiasa mendapat perhatian, bimbingan dan sokongan Tuan Yang Terutama Tun.

Tuan Yang Terutama Tun,

Bagi saya dan barisan kepimpinan negeri, Tun adalah sumber rujukan bergerak sama ada dalam bab-bab keagamaan, sosial, kebersihan alam sekitar, kemakmuran ekonomi, ketenteraman awam, pentadbiran, pelaburan, pelancongan, politik, mahupun sukan dalam usaha merealisasikan harapan kerajaan dan rakyat Negeri Melaka. Semanganya, saya dan sekalian rakyat Melaka berasa syukur dan berterima kasih atas keprihatinan Tuan Yang Terutama Tun selama ini.



**SULAIMAN** menyampaikan ucapan Taat Setia pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021 sempena sambutan rasmi hari jadi Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam ke-72 di Balai Istiadat Seri Negeri.

Sudah tentu, kami akan sentiasa menumpahkan taat setia dan kasih sayang yang mendalam, kepada Tuan Yang Terutama Tun, serta mengharap nasihat dan pedoman, demi kemajuan, kesejahteraan serta keamanan berterusan, kepada seluruh rakyat Negeri Melaka.

Sebagai penghormatan saya kepada Tuan Yang Terutama Tun, dirakamkan kata-kata bagai dimadah dalam pantun Melayu,

**ANAK RAJA TURUN KE LADANG,  
TURUN KE LADANG MENEBAH BULUH,  
TUN UMPAMA POHON YANG RENDANG,  
TEMPAT RAKYAT TUMPANG BERTEDEUH.**

Maka di kesempatan ini, saya, para pimpinan negeri dan sekalian rakyat Melaka sentiasa berdoa, semoga Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Wira, sentiasa dilimpahi rahmat Allah SWT dengan nikmat kesihatan dan kebahagiaan serta kesejahteraan untuk terus memayungi bumi Melaka bertuah dan rakyat Melaka tercinta.

Alhamdulillah, dirafakkan segala puji dan kesyukuran kehadat Allah SWT, kerana atas limpah kurnia, keizinan dan kekuasaan-Nya jua, maka kita diberi kesempatan untuk hadir dalam Majlis Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri sempena Sambutan Hari Jadi Rasmi, Yang di-Pertua Negeri Melaka yang ke-72.

Sebelum meneruskan ucapan, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, ucapan syabas dan tahniah kepada semua penerima Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka bagi tahun 2021.

Semoga dengan penganugerahan ini, akan menjadi pendorong dan penguat semangat, untuk kita terus bekerja dengan lebih gigih lagi, bagi membina kecemerlangan, demi kesejahteraan rakyat serta kemakmuran Melaka, negeri yang sama-sama kita cintai ini.

**Hadirin hadirat yang saya hormati sekalian,**

Dengan takdir Allah SWT dan berkat sokongan padu majoriti rakyat Negeri Melaka, dalam Pilihan Raya Negeri pada 20 November 2021 yang lalu, Barisan Nasional telah diberi mandat baharu yang lebih kukuh bagi membentuk Kerajaan Negeri Melaka. Hakikatnya, rakyat sangat yakin dan percaya bahawa Barisan Nasional mampu konsisten, komited, malah sudah terbukti mampu memenuhi segala harapan rakyat.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kepercayaan dan keyakinan untuk melantik saya sebagai Ketua Menteri Melaka, setelah Barisan Nasional berjaya membentuk Kerajaan Negeri yang baharu melalui Pilihan Raya Negeri Melaka bagi penggal ke-15 yang telah diadakan pada 20 November 2021.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT, Barisan Nasional telah berjaya memenangi 21 kerusi daripada 28 kerusi Dewan Undangan Negeri Melaka dengan memenangi undi majoriti lebih dua pertiga atau lebih tepatnya, tiga perempat daripada keseluruhan kerusi yang dipertandingkan. Melalui aku janji bertema, “Kestabilan Demi Kemakmuran”, kami telah diberikan kepercayaan oleh rakyat Negeri Melaka untuk membentuk sebuah Kerajaan Negeri baharu dengan mandat yang lebih stabil dan kukuh di negeri bertuah lagi bersejarah ini.

Sesungguhnya, di atas berkat kemenangan ini, saya dan rakan-rakan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri cukup insaf dan melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadat Allah SWT kerana telah melimpahkan rahmat ke atas Negeri Melaka sehingga Pilihan Raya Negeri telah berjalan dengan lancar dan teratur.

**Tuan Yang Terutama Tun;**

Saya, Barisan kepimpinan Kerajaan Negeri serta anggota Pentadbiran Awam Negeri dan Persekutuan di negeri Melaka sangat sedar bahawa segala kurniaan Allah SWT ini

wajib dipikul dengan penuh insaf dan dilaksanakan dengan penuh ikhlas.

Saya dan barisan Kepimpinan Kerajaan Negeri tetap mengharapkan sokongan, nasihat serta panduan secara dekat dan berterusan daripada Tuan Yang Terutama Tun, agar kami dapat meneruskan kelangsungan pentadbir Kerajaan Negeri yang baharu, menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang sejahtera dan bahagia melalui peningkatan kecakapan pentadbiran serta limpahan pembangunan dalam pelbagai sektor bagi menjulang kemasyhuran Melaka sehingga ke peringkat antarabangsa. Insha-Allah.

Berdasarkan aku janji Barisan Nasional bertema, “Kestabilan Demi Kemakmuran”, kitatelah menggariskan 103 inisiatif berasaskan 5 teras dengan 1 matlamat yang diikrarkan untuk dilaksanakan bagi memahat kecemerlangan masa depan rakyat dan kegemilangan Negeri Melaka untuk tempoh 5 tahun yang akan datang. Keseluruhan inisiatif tersebut perlu dicapai dalam tempoh 100 hari, satu tahun dan lima tahun.

**Justeru pada hari ini, saya ingin menyenut 5 teras utama iaitu:**

**Pertama:** Kestabilan Politik,  
**Kedua:** Perancangan dan Pembangunan Negeri Melaka,  
**Ketiga:** Kesejahteraan dan Kemakmuran,  
**Keempat:** Menyantuni Isu Rakyat,  
**Kelima:** Penerapan Budaya Integriti.

Melalui aku janji bertema, “Kestabilan Demi Kemakmuran”, dan kepercayaan yang telah diberikan oleh rakyat Negeri Melaka, tanggungjawab yang besar, serta mencabar yang telah diamanahkan ini bukan sahaja kepada saya, malahan semua barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang baharu akan kami sempurnakan semampunya dan berusaha sebaiknya dengan lebih gigih lagi demi menjaga kebajikan dan mensejahterakan rakyat serta memakmurkan Negeri Melaka.

>> *Bersambung di bahagian kedua minggu hadapan*





WWW.KIBGIM.COM SCAN HERE

# SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK  
MENJAWAB SPM  
SUBJEK: BAHASA INGGERIS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &  
MENGINSPIRASI  
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: BAHASA INGGERIS

PAPER 1 (119/1)

READING AND USE OF ENGLISH

TIME ALLOCATION: 1 HOUR 30 MINUTES

TOTAL MARKS: 40 MARKS

**PART 1**

- Cloze Text (4 option Multiple Choice)
- 10 questions
- 10 marks

**PART 2**

- Gapped Text
- 6 questions
- 6 marks

Refer to the text below and choose the best word for each space. For each question, mark the correct letter A, B, C and D.

### Hygiene in the Kitchen

It is an important fact to remember that food carry some (1) form of bacteria. In the worst-case scenario, this (2) \_\_\_\_\_ lead to food poisoning or something more serious. This risk can be reduced or eliminated by good food (3) \_\_\_\_\_ and proper cooking.

Here are some tips to (4) \_\_\_\_\_ when you are in the kitchen. Always keep your hands, cooking utensils and food preparation surfaces (5) \_\_\_\_\_. Most importantly, never allow pets to climb onto any work surfaces because they may leave germs or bacteria that you may not be aware of.

Dish cloths and dish towels must be washed and changed (6) \_\_\_\_\_. If possible, use the disposable types which should be replaced on a (7) \_\_\_\_\_ basis. Do not buy foods that have passed their expiration date. Avoid bulk buying fresh produce because fresh foods lose its nutritional value and freshness fast. That means buying (8) \_\_\_\_\_ small amounts is a better choice.

Before food is prepared, make sure all work surfaces and utensils are clean and dry. Separate chopping boards should be used for raw and cooked meat, fish and vegetables. All poultry must be (9) \_\_\_\_\_ thawed before cooking. Once defrosted, meat should be (10) \_\_\_\_\_ as soon as possible.

Meat, poultry, fish, seafood and dairy products must be refrigerated. Food in the fridge or freezer should be covered. This is to (11) \_\_\_\_\_ drips and cross-contamination from happening.

- |   |  |
|---|--|
| 1. A way<br>B form<br>C mode<br>D variety                 | 6. A commonly<br>B tirelessly<br>C regularly<br>D repeatedly |
| 2. A could<br>B must<br>C would<br>D should               | 7. A daily<br>B weekly<br>C monthly<br>D yearly              |
| 3. A choices<br>B hygiene<br>C knowledge<br>D ingredients | 8. A in<br>B on<br>C at<br>D with                            |
| 4. A keep<br>B adhere<br>C follows<br>D reflect           | 9. A partly<br>B quickly<br>C slowly<br>D thoroughly         |

- |   |  |
|---|--|
| 5. A clean<br>B tidy<br>C useful<br>D organized | 10. A eaten<br>B cooked<br>C prepared<br>D cleaned |
| 11. A stop<br>B allow<br>C avoid<br>D decrease  |  |

You are going to read a story about a group of friends going on an outing. Six sentences have been removed from the article. Choose from the sentences A to H the one which fits gap (12 to 17). There are two extra sentences which you do need to use.

Write your answers in the space given.

### A Memorable Trip

Although I had gotten good results for my final examination. I was feeling a little down. My father had got a job in another state and the whole family was moving there at the end of the year. I loved my current school as I had wonderful friends and teachers here.

One of my close friends, Joshua knew how I was feeling. She proposed a picnic at Bemban Waterfalls with our friends. 12  The thought of a picnic with my friends really cheered me up. Joshua and I then told our other friends about the picnic. Our friends, Abu, Raju and Tan thought it was a great idea. We decided to have the picnic on a Saturday.

Bemban Waterfalls was about half an hour's journey by bus from our town. On that Saturday, we met at the bus stop in town at around half past seven in the morning. The bus soon arrived and we boarded it to the waterfalls. 13

The scenery at the waterfalls was just as we remember it. It was simply breathtaking. The birds were chirping and the sound of the waterfalls was calming to the soul. We happily laid out our mat next to the waterfalls and put our picnic things on it. 14  The water was cool and refreshing.

At around noon, we began to feel hungry. All of us could not wait to eat the delicious picnic food we had brought. 15  Abu had brought nasi lemak, Raju had brought sponge cakes while Tan had brought fruits and guava juice. We had a fantastic time eating and drinking next to the waterfalls.

After lunch, we rested for a short while. Some of us even dozed off. After that, we gathered our rubbish and put it in a garbage bag. We then explored the forest. 16  My friends and I were so busy exploring we did not realize that it was getting dark. 17  We took the garbage bag and headed out to the bus stop. There was a big dustbin at the bus stop where we threw the rubbish. After a short wait, the bus arrived.

I will never forget this outing as it was one of my most memorable outings with my friends. Although I have made new friends at my new school, I will always treasure my friendship with my old friends and the memory of the wonderful picnic we had.

- A We walked for an hour to get to the waterfalls.  
B We then changed into our swimming costumes and dove excitedly into the water.  
C The last time we had gone to the waterfalls was a year back.  
D Abu then reminded us that we had better head back home.  
E I had brought fried noodles while Joshua had brought dumplings.  
F We arrived at the waterfalls by half past eight in the morning.  
G Abu decided to explore further into the forest.  
H There were many interesting plants and insects there.

**ANSWER**  
1) B 2) A 3) B 4) C 5) A 6) C 7) A 8) A 9) D 10) B  
11) C 12) C 13) F 14) B 15) E 16) H 17) D





PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

THE spatial contours separating Man from the tiger are blurred in P. Ramlee's *Sitora Harimau Jadian* (*Sitora the Were-Tiger*) in 1964. My mother would narrate tiger stories of Perak and were-tigers in Batu Uban, Pulau Pinang. The island does not have a tiger population. The bedtime tales evoked my imagination and consciousness.

The tiger is one animal most commonly associated with soul transfer. Anecdotes of tigers are abundant. The same cannot be described of the number of tigers in the peninsula. Figures vary. Some have put it as 250, down from an estimated number of 300 a few decades back. A colonial officer in the late 1940s put the number as "nearly 3,000 tigers." "If anything they are probably on the

# The Trengganu Tigers, Dato' Paroi and Sang Kanchil

low side," estimates A. Locke in *The Tigers of Trengganu* (MBRAS 1993).

Colonel A. Locke, who was posted to Kemaman, Terengganu as Government Administrative Officer in 1949 relates how he draws up the number of tigers in Malaya. One evening he amused himself with pencil and paper trying to access the actual number. He arrived at the figure of "3,000." To reach the figure, he explains, "I took as an average the number of different animals known to have occupied various parts of Kemaman over a period of two years and used the resultant number of 'square miles per tiger' as a yardstick.

He estimates the number of tigers, as per area in square miles, for the *mukims* in Kemaman. These would be Binjai and Banggol (5 tigers), Chukai (1), Kemasek (3), Kerteh (7), Kijal (3), Pasir Semut (3), Telok Kalong (2) and Ulu Chukai (8).

*The Tigers of Terengganu* is a classic. Reprinted as Monograph No. 23, by the Ma-

laysian Branch of the Royal Asiatic Society, it contains a vast quantity of information, and vivid commentary about Malayan tigers. At the time of writing, Terengganu, Kelantan, northern Pahang and Perak would have the most number of tigers.

He recalls the press coverage when a tiger set foot "on Singapore island in 1950." Citing newspaper reports, pugs were found on a beach of the island facing the Johore Straits, "the crossing of which narrow strip of water would barely provide enough exercise to flex a tiger's swimming muscles." Tigers do swim. In the late 1990s, I encountered some fishermen at Kampung Kuala Kemaman, and asked on any tiger sightings. They related that they have seen tigers swimming across the Kemaman river at the Kuala to a nearby island.

The author also describes on what was typical of most Malayan man-eaters. But he was quick to emphasize that tigers are not normally dangerous to human beings: "They

remban. It is said that Dato' Paroi "rules the tigers, which have a settlement on Mount Angsi." Locke tells us that in human form, "they even study, undertake farming and read the Koran." Dato' Paroi believed to be a were-tiger who, to this day, wanders through Negeri Sembilan, Malacca and Northern Johore." There is the Keramat Dato' Paroi.

The Minangkabaus and Kerinchis in West Sumatra have their own tales too. The people of Kerinchi, in Swettenham (*Malay Sketches*, 1895), were widely believed to have the power of assuming the form of a tiger at will. One day, some men from Kerinchi once sought hospitality in a Malay house. During the night a flock of chickens disappeared and the coop was surrounded by tiger tracks. The next day, one of the visitors fell sick and, shortly after, vomited chicken feathers.

Perhaps the man-tiger relationship probably reached its most sophisticated state among the Minangkabaus. There, in the

“ Beyond metaphors and allusions, the character of the tiger family is one of diplomacy and elegant cunning. ”

prefer to give people as wide a berth as the average person would wish to give them." Locke gives an instance when a tigress could have attacked children playing in the proximity of a nearby swamp. The author was there unknown to the children (or the tigress). Not long after the children had dispersed, the tigress, which had been lying concealed in the swamp throughout the day, "came out to the remains of the cow which she had killed the previous night. There I shot her."

Locke's instinct was that had the tigress wished, she could have killed any of the children with the greatest of ease: "She made no attempt to do so. I will go even further and say that the idea of attacking them probably never entered her head."

Back to man-eaters. A tiger operating in Trengganu killed his first man on 13th December 1947. He killed four more people "on 15th June 1948, the 20th June 1948, 8th September 1948 and the 17th December 1948" — before being shot by a headman on the 31 December 1948, after killing four goats." According to Locke, all Trengganu man-eaters in his records were male; but "tigresses do become man-eaters in Malaya, however." And we quite often heard of Jerangau, where the East Coast highway passes through. The book has a chapter titled "The Jerangau Man-Eater."

Locke also describes the belief of man transforming themselves into tigers. The Trengganu legends refer to Dato' Uban. There, and in Kelantan, the home of the tigers was referred to as *Kandang Balok*, said to be in Ulu Kemaman. The king, Dato' Uban rules there, where tigers walk about in the guise of human beings and live as such. To leave their village, they must make their way through a tunnel beneath "a white river." It is while they are passing beneath the river that they turn into tigers.

And we have Dato' Paroi in Negeri Sembilan. One passes through Paroi on the way to Kuala Pilah and Kuala Kelawang from Se-

heartlands of Banjaran Barisan running throughout the length of Sumatera, a tigress was considered the legendary ancestor of the people of Agam, one of the original Luhak (regency) of the Minangkabau and a region populated with tigers.

It was said that certain powerful Minangkabau men were "tiger magicians (*pawang manangkok harimau*), figures of spiritual strength, bravery, fortitude and extraordinary abilities".


I must end with the story of the tiger and Sang Kanchil, the mousedeer who occupies an endearing place in Malay folklore and literature. It tells how Sang Kanchil, who was out feeding a little earlier than was his usual custom, saw a tiger about to pounce on him. Thinking quickly because he did not wish to die, Sang Kanchil went on chewing with great relish and remarked to himself, "My, my! How good these pickled tiger's eyes are." This so frightened the tiger. It then turned away.

Beyond metaphors and allusions, the character of the tiger family is one of diplomacy and elegant cunning. There is morality and aesthetics in our relationship with the tiger. Malaysia could learn something from the tiger in its diplomacy and foreign policy initiatives.

NEXT WEEK:

**Bintang Timor Title of newspaper in 1890s owned and operated by Chinese Peranakan**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IUUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



THE *Tigers of Terengganu* is a classic. Reprinted as Monograph No. 23, by the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, it contains a vast quantity of information, and vivid commentary about Malayan tigers.



# Dira prihatin isu tebing runtuh di Rim

Liana Sahabudin

**RIM** - Masalah tebing sungai runtuh yang mengundang bahaya kepada penduduk di Kampung Rim di sini mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar.

Menerima aduan penduduk kampung berkenaan, Khaidhirah atau mesra dipanggil Dira turun padang bagi meninjau sendiri permasalahan yang dihadapi penduduk kawasan tersebut.

"Susulan dari aduan penduduk Kampung Rim mengenai tebing sungai yang runtuh, saya telah melawat kawasan tersebut.

"Kehadiran saya bersama-sama bersama Pengurus Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Jasin, Adnan Abdullah; Penolong Jurutera Daerah Kanan Jasin, Saiful Anwar Md Shah; Penolong Jurutera Kawasan, Penghulu Ismanizam Ismail dan Setiausaha Japerun Sabaru-

din Said.

"Pihak JPS telah mengambil maklum dan akan mengambil tindakan dengan segera bagi menyelesaikan isu ini," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya, 7 Dislalu.

Dira turut menasihatkan penduduk Kampung Rim agar tidak melalui jalan tersebut buat masa ini bagi memastikan tiada kemalangan jiwa yang menimpa penduduk.

"Buat penduduk Kampung Rim, awasi anak anda dan elakkan untuk menggunakan jalan ini pada waktu dan ketika ini. Saya akan sentiasa memantau masalah ini dari semasa ke semasa," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dira turut menzahirkan rasa terkilan di atas tindakan pihak tertentu yang sengaja mempolitikkan isu COVID-19 yang menimpa pelajar dan guru Sekolah Menengah Tahfiz Chenderah, Rim, baru-baru ini.

Ia selepas satu poster berbunyi 'cari orang hilang,



**DIRA** (dua dari kiri) semasa melawat kawasan tebing runtuh di Kampung Rim. FOTO: Dira Abu Zahar

kalau jumpa sila hubungi Japerun Rim' bersebelahan satu artikel bertajuk 'Sekolah tahfiz ditutup 7 hari' yang sengaja dimuat naik seolah-olah menggambarkan ADUN kawasan itu

tidak cakna masalah di sekolah itu.

Sebaliknya, Dira menegaskan beliau sudah meninjau perkembangan pelajar dan guru sekolah terbabit bagi mengenal

pasti keperluan mereka pada 5 Dislalu.

"Tidak mungkin saya boleh buat tidak tahu kerana ia berkaitan pelajar tahfiz malah Chenderah juga dalam kawasan saya.

"Takkanlah saya nak buat tidak tahu sedangkan mana-mana kes terpercipun saya ambil perhatian dan kalau boleh kita mahu jaga semua orang di kawasan ini," katanya.

## Tuisyen percuma untuk calon SPM di Asahan



**FAIRUL Nizam** (kanan) ketika mengadakan perjumpaan bersama Pengarah Eksekutif LPM, Mohd Salleh Hamidom di Pejabat LPM, baru-baru ini.

Fiqa Jamal

**AYER KEROH** - "Pembangunan pendidikan antara fokus utama selepas diberi mandat kerana berupaya menjadi kunci kepada kestabilan ekonomi keluarga, negeri dan negara," ujar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Fairul Nizam Roslan.

Jelasnya, akses jaringan internet dan tuisyen rakyat percuma antara tujuh fokus utama dalam manifesto dibawanya sepanjang tempoh lima tahun ini akan ditunaikan secara berperingkat.

"Bermula 9 Dis, seramai 200 pelajar Tingkatan

5 yang akan menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di DUN Asahan akan menerima inisiatif Tuisyen Rakyat Percuma.

"Untuk jaringan internet pula, saya telah berjumpa dengan Menteri Komunikasi dan berbilang untuk menambah baik jaringan internet serta talian komunikasi di kawasan ini (Asahan) yang mana akan memberi manfaat kepada lebih 28,000 penduduk DUN Asahan," katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut, Fairul Nizam yang juga merupakan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Melaka berkata, antara tumpuan

lain yang akan diberikan ialah membangunkan rumah mampu milik di kawasan Asahan

Katanya, perjumpaan bersama Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Melaka, Mohd Salleh Hamidom telah diadakan baru-baru ini untuk merealisasikan hasrat itu.

"Saya sudah berjumpa dengan Pengarah LPM untuk melaksanakan pembinaan Rumah Mampu Milik dalam DUN Asahan, dan perkara itu masih diperingkat perbincangan.

"Kita sangat berharap pembangunan rumah mampu milik itu dapat direalisasikan," katanya.



**TOH Puan Asmah** (duduk, tengah); **Datin Seri Munira** (duduk, kiri); **Datin Seri Rabiah Hasan** (duduk, kanan) dan ahli-ahli BISTARI bergambar selepas menghadiri majlis bacaan Yasin dan tahlil ringkas untuk bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Allahyarham Datuk Seri Ghafaar Atan.

## Isteri TYT, KM hadiri bacaan yasin dan tahlil

**ASAHAN** - Isteri Yang di-Pertua Negeri Melaka, Toh Puan Asmah Abd Rahman menghadiri majlis bacaan Yasin dan tahlil ringkas untuk bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan, Allahyarham Datuk Seri Ghafaar Atan, di sini, 8 Dislalu.

Majlis itu turut dihadiri, isteri Ketua Menteri Melaka, Datin Seri Datuk Wira Munira M Yusop.

Hadir sama, isteri Setiausaha Kerajaan Negeri Datin Puziawati Ab Ghani dan ahli-ahli Badan Amal Kebajikan Isteri Wakil-Wakil Rakyat Negeri Melaka (BISTARI).

Majlis berkenaan diadakan di Jalan Kampung Relau Asahan, Jasin dan dimulakan dengan bacaan Yasin diketuai Datin Wira Halimah Baba.





DR. Shankar Gunarasa




**PERNAH KAH** anda pernah dengar keluhan daripada kawan kawan anda atau anda sendiri pernah merasai kesakitan di ulu hati? Sakit di ulu hati ini banyak penyebabnya. Ini di sebabkan oleh beberapa organ terletak di bahagian tersebut. Antara penyebab sakit di sana juga boleh berpunca daripada sakit di jantung dan juga radang paru paru.

Sebelum ini saya juga telah menulis mengenai sakit di ulu hati dan penyebabnya. Kebiasaannya masalah gastrik sering dikaitkan dengan sakit di ulu hati. Tetapi tahukah anda keradangan pankreas boleh juga menyebabkan sakit di ulu hati. Untuk mengetahui keradangan pankreas, anda perlu tahu apakah itu organ pankreas ini, di mana letaknya dan yang paling mustahak fungsi pankreas ini. Bagi memastikan fungsi pankreas anda sentiasa berada pada tahap yang optimum, anda perlu memfokuskan kepada makanan yang kaya dengan protein, rendah lemak dan mengandungi antioksidan.

Makanan seperti daging bebas lemak, kekacang, sup dan alternatif kepada produk tenusu seperti susu kacang almond boleh meringankan beban pankreas anda. Bayam, beriburu, ceri dan bijirin penuh; itu antara makanan yang baik untuk sistem pencernaan anda berikutan ia mengandungi jumlah antioksidan yang tinggi.

Pankreas adalah organ yang terletak di bahagian belakang perut yang menghasilkan enzim untuk pencernaan makanan dan hormon seperti insulin. Saiznya adalah sepanjang 6 cm dan berbentuk mirip berudu. Kepala pankreas ini terletak di sisi duodenum and ekor pankreas terletak berdekatan dengan organ limpa



# Penyebab lain untuk sakit di ulu hati

spleen.

Radang pankreas (pankreatitis) adalah keadaan kesihatan yang menyebabkan pankreas bengkak dan tidak boleh menjalankan fungsinya secara normal.

Masalah keradangan pankreas boleh mempengaruhi keupayaan pankreas untuk mencernakan makanan.

Tanda utama pankreatitis adalah sakit perut yang timbul secara tiba-tiba. Rasa sakit ini muncul di bahagian tengah abdomen namun kadang kadang terasa di sisi kanan atau kiri perut.

Gejala lain yang mungkin timbul pada pankreatitis akut adalah:

- Demam.
- Cirit birit.
- Rasa mual dan muntah.
- Gangguan pencernaan.
- Perut membengkak dan sakit bila disentuh.
- Kulit dan mata menguning

Apakah penyebab keradangan pankreas (pankreatitis) ini? Dua gejala utama penyebab pankreatitis di Malaysia adalah:

## 1. Batu hempedu

Hal ini terjadi apabila batu hempedu keluar dari pundi hempedu dan menyumbat saluran pankreas. Sekitar 40% penyebab pankreatitis disebabkan oleh penyumbatan batu hempedu.

## 2. Pengambilan alkohol

Cara penyebab dan kesan kepada pankreas sukar di pastikan tetapi pengambilan alkohol berlamaan menyumbang kepada 30% kes pankreatitis

Selain daripada dua faktor di atas, ada juga penyebab lain. Antaranya ialah:

- Masalah genetik seperti cystic fibrosis.
- Kanser pankreas.
- Kandungan kolesterol triglyceride yang tinggi.
- Kesan sampingan dari ubatan tinggi kadar kalsium dalam darah yang disebabkan oleh hyperparathyroidism.
- Obesiti.
- Infeksi virus, seperti demam campak.
- Kesan sampingan dari pro-

sedur ERCP

- Trauma di ulu hati seperti blunt trauma di tengah abdomen seperti dari kemalangan, kesan tumbuk.

Komplikasi dari pankreatitis, sekiranya tidak dirawat dari awal boleh menyebabkan

- Nekrosis di pankreas.
- Pankreas bernanah.
- Kronik pankreatitis (chronic pancreatitis)
- Pseudocyst di pankreas.

Oleh itu bagaimanakah seseorang pakar dapat mengesan masalah ini. Diagnosis dapat di buat dengan

- Pangambilan darah amylase, lipase.
- Ultrasound abdomen atau CT scan abdomen.
- ERCP (endoscopic retrograde pancreatography).
- MRCP (magnetic resonance cholangiopancreatography).

Bagaimanakah untuk meghindari dari masalah ini? Sekiranya anda tahu puncanya, anda tentu boleh meghindarinya. Oleh itu:

- Elakkan pengambilan minuman beralkohol.
- Sekiranya anda ada batu hempedu, anda perlu menjaga dan meghindari makanan berkolesterol tinggi.
- Pengambilan makanan yang sihat dan seimbang.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah keradangan pankreas atau sekiranya meghidapi masalah kesakitan di ulu hati, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoscopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**

<http://1.bp.blogspot.com/-cfFOstS1MN0/VBAVi96fj6I/AAAAAAAAETA/FHeoTH6sj0U/s1600/sakit-ulu-hati.jpg>





# Bawa pulang khazanah Melaka di Belanda

Fiqa Jamal

**BANDA HILIR** - Kerajaan negeri akan menjalankan misi membawa pulang khazanah dan artifak milik Melaka yang berada di Belanda.

Exco Warisan Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, pihaknya dijangka berangkat ke negara tersebut pada Januari depan.

Katanya, kedatangan delegasi Melaka ke Belanda adalah bagi melihat khazanah yang boleh di bawa pulang semula ke tanah air, sekali gus mengeratkan hubungan dua hala antara Melaka dan Belanda.

"Saya sudah berbincang dengan timbalan duta dalam hal ini kita nak artifak-artifak yang mereka telah ambil dari Melaka sekitar 500 tahun yang lalu.

"Dan kita rencanakan kemungkinan besar selepas PKP ini mungkin mendapat sedikit kelonggaran, kami akan ke Belanda untuk melihat semua khazanah-khazanah negara yang mana yang kita



**MUHAMMAD Jailani menyampaikan cenderahati kepada Eva.**

boleh bawa pulang dan sebagainya.

"Antara yang paling banyak ialah artifak, meriam dan senjata kita. Senjata-senjata Melaka pada ketika itu difahamkan kebanyakannya dibekalkan oleh kerajaan Islam Timur

tengah dan juga kerajaan China," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas perasmian Malakka Dutch Festival 2021 di Bukit St Paul, di sini, 4 Dis lalu.

Hadir sama, Timbalan



**MUHAMMAD Jailani bersama Eva merasmikan Malakka Dutch Festival 2021 di Bukit St Paul, baru-baru ini.**

Duta Belanda, Eva Oskam dan Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) Saari Basiron.

Dalam pada itu, Eva memaklumkan pihaknya sedia bekerjasama untuk membantu Melaka membawa pulang artifak dan

khazanah sejarah dari Belanda.

Katanya, kerajaan Belanda sememangnya mempunyai polisi untuk menghantar pulang artifak-artifak yang terdapat di negara itu ke negara asal.

"Saya bersama Datuk Muhammad Jailani akan membincangkan hal ini lebih lanjut dan kita akan bantu untuk membawa pulang artifak atau peninggalan khazanah Melaka yang terdapat di bumi Belanda," katanya.

RESIDENSI  
*Bukit Katil*  
Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka

**DISKAUN 10% + REBAT 10%\*** | **HARGA BERMULA DARIPADA RM186,300\***

\*Tertakluk pada terma & syarat

Kediaman Kontemporari Menepati Cita Rasa Masa Kini

**JENIS B1: 1,000 kps**  
3 Bilik Tidur + 2 Bilik Air

**Kemudahan Yang Ditawarkan:**

- Surau
- Tadika & Taska
- Dewan Serba Guna
- Taman Permainan Kanak-kanak

**AG BUMI HARTANAH** RAKAN JUALAN PR1MA (AG BUMI HARTANAH)  
510 Jalan Melaka Raya 12, Taman Melaka Raya, 75000, Melaka  
Pejabat: 06 - 286 5120 | Isnin - Jumaat (9.00 Pagi - 5.00 Petang)  
wiramagr@gmail.com



# Padah merokok di kedai makan

Fiqa Jamal

**AYER KEROH** - Sekumpulan lelaki yang sedang leka menghembus asap rokok di sebuah kedai makan di Bukit Beruang, di sini, terkejut apabila disergah penguat kuasa kesihatan dalam satu operasi mengejut 9 Dislalu.

Serbuan itu turut menyaksikan seorang lelaki melenting dan menyuarakan ketidakpuasan hati kerana dikompaun, selain memarahi petugas media apabila gambarnya dirakam.

Bagaimanapun situasi terkawal apabila Jabatan Kesihatan Negeri Melaka tetap bertindak tegas mengeluarkan kompaun di atas kesalahan tersebut.

Exco Kesihatan dan Antidadah Negeri Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, meskipun larangan merokok

di kedai makan telah dikuatkuasakan sejak dua tahun lalu, namun masih terdapat ramai yang tidak patuh dengan arahan itu.

Menurutnya, sejak 18 Mac 2020 hingga 7 Disember lalu, sebanyak 303 kompaun berjumlah RM63,600 dikeluarkan di atas pelbagai kesalahan membabitkan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004.

"Kita sangat kesal kerana masih ramai yang enggan mematuhi arahan ditetapkan iaitu tidak merokok di tempat yang tidak dibenarkan terutamanya kedai makan.

"Jabatan Kesihatan tidak akan bertolak ansur dalam ketidakpatuhan SOP di mana orang awam yang makan di premis makanan ini tidak dibenarkan sama sekali untuk merokok," katanya.

Beliau berkata demikian



**PENGUATKUASA** Kesihatan mengeluarkan kompaun ke atas seorang lelaki yang menghisap rokok di sebuah kedai makan di Bukit Beruang.

dalam sidang media selepas Operasi Khas Penguatkuasaan SOP Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4 dan Peraturan Kawalan Hasil

Tembakau di sekitar Ayer Keroh, malam tadi.

Mengulas lanjut, Muhammad Akmal berkata, dalam operasi malam tadi, seban-

yak 24 premis telah diperiksa dan lapan kompaun dikeluarkan di atas kesalahan merokok di kawasan larangan merokok.

Selain itu, katanya, masing-masing satu kompaun turut dikeluarkan kepada pemilik premis di atas kesalahan kegagalan memaparkan tanda larangan merokok dan gagal memastikan tiada seorang merokok di dalam premis atau kenderaan.

Katanya lagi, operasi sama turut menyaksikan empat lagi individu dikompaun RM1,000 setiap seorang kerana gagal mengimbas kod MySejahtera atau mencatatkan nama serta nombor telefon sebelum memasuki premis dan telah dikompaun di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit atau Akta 342.

# Melaka bakal diangkat Hab Pertanian Selatan

**BEMBAN** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bercadang menjadikan Melaka sebagai Hab pertanian selatan dengan menubuhkan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, cadangan itu antara tujuan bagi mengurangkan kebergantungan Melaka dari membeli sayuran dan hasil laut dari negeri lain.

Katanya, sekiranya cadangan

itu direalisasikan, penubuhan IADA itu dijangka mampu mengawal kenaikan harga barangan mentah termasuk sayur-sayuran di negeri ini.

"Melaka mempunyai pengeluaran sayuran dan hasil laut yang agak rendah, jadi terpaksa banyak bergantung kepada pembelian daripada negeri-negeri lain. Bukan sahaja sayur-sayuran, bahkan buah-buahan serta ikan.

"Di Melaka, kita hanya berkeupayaan mengeluarkan lebih kurang 22 peratus sahaja ikan dan kita ter-

paksa import ikan daripada negeri-negeri lain yang bekalkan ikan itu, begitu juga dengan hasil buah-buahan.

"Cadangan penubuhan IADA kini telah di peringkat perbincangan bersama kerajaan negeri dan diharapkan dapat dilaksanakan secepat mungkin bagi memberi manfaat di setiap peringkat termasuk penternak, petani mahupun nelayan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas me-

nyampaikan 250 bakul makanan kepada keluarga tani yang terjejas akibat bencana banjir di Program MAFI Prihatin Jabatan Pertanian Negeri Melaka di Kampung Tehel, di sini, 10 Dislalu.

Hadir sama, Exco Pertanian negeri Datuk Abdul Razak Abdul Rahman, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian (Pembangunan Industri dan Pengembangan) Datuk Eliyas Saad dan kenamaan lain.

Mengulas lanjut, Ahmad Hamzah berkata konsep pertanian

berkelompok itu juga berbeza dengan penubuhan IADA di negeri lain yang hanya memfokuskan aktiviti sawah padi.

"Di Melaka, kita akan menukar sedikit konsep ini (IADA) kepada semua tanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan lain-lain.

"Bidang perikanan dan penternakan juga akan dilaksanakan di bawah IADA supaya dapat dirancarkan lagi sekaligus Melaka menjadi pusat perpaduan industri asas tani tumpuan," ujarnya.

# Deposit RM140,000 lebur, gagal bersihkan bahan kempen

Din Ahmad

**ALOR GAJAH** - Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) tidak mengembalikan deposit RM140,000 parti politik yang bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka kerana gagal membersihkan bendera, poster dan gegantungan.

Tempoh tujuh hari selepas PRN Melaka pada 20 November lalu gagal dimanfaatkan parti berkenaan untuk memastikan semua bahan kempen berkenaan dibersihkan.

Yang Dipertua MPAG, Mohd Fadhil Hassan menegaskan, MPAG tidak akan mengembalikan deposit itu kerana jentera terbabit gagal membersihkan keseluruhan kawasan yang dipasang bendera, poster dan gegantungan calon dan parti masing-masing.

"Kami dapati walaupun kebanyakan bendera, poster dan gegantungan sudah dicabut atau ditanggalkan, masih ada yang dibiarkan begitu sahaja di kawasan itu.

"MPAG tidak akan memulangkan deposit itu kerana tempoh tujuh hari sudah tamat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis Penyampaian Hadiah Sempena Program Insentif Cukai Taksiran Harta MPAG 2021 di pejabat MPAG, di sini, 7

“ Kami dapati walaupun kebanyakan bendera, poster dan gegantungan sudah dicabut atau ditanggalkan, masih ada yang dibiarkan begitu sahaja di kawasan itu. ”

Dislalu.

Dalam majlis itu seramai lima pemilik premis yang membayar cukai berkenaan tanpa tunggakan telah menerima hadiah dari MPAG berupa motosikal, televisyen, lima buah basikal.

Untuk rekod, seramai 112 calon daripada lima parti politik dan Bebas mengambil bahagian pada PRN Melaka, 20 November lalu.

Selain Barisan Nasional (BN), turut meletakkan calon ialah Pakatan Harapan (PH), Perikatan Nasional (PN), Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra), Parti Perikatan India Muslim Nasional (Iman) dan Bebas.

Meskipun PRN Melaka berlangsung dalam keadaan parti dan calon mematuhi SOP, bendera, poster dan gegantungan tetap dipasang di semua kawasan yang ditandangi parti politik. Iaka bulan lalu.

**Syarat Kelayakan :**

- Ijazah Sarjana Muda atau Diploma dalam bidang berkaitan
- Berpengalaman sekurang-kurangnya 2 tahun dalam suntingan video
- Mahir menggunakan **After Effect, Premiere Pro, & Final Cut Pro**
- Kebolehan **Videografi, Motion Graphic & Animasi 3D** adalah satu kelebihan

**MOHON SEKARANG!**

Hantarkan resume & showreel ke [hr.mhisb@gmail.com](mailto:hr.mhisb@gmail.com)  
Hubungi : 06 - 251 9314  
Tarikh Tutup : 22 Disember 2021

MELAKA HARI INI





# Air pasang besar Persiapan Krismas penduduk Kg Portugis terjejas

Siti Salehah

**TELOK MAS** - Kira-kira 1,000 penduduk di Perkampungan Portugis, di sini, buntu apabila sebahagian persiapan untuk menyambut Hari Krismas terjejas apabila rumah mereka dinaiki air akibat fenomena air pasang besar.

Tinjauan di kawasan itu pada 6 Dis lalu mendapati rata-rata rumah khususnya di Jalan Tesera terjejas teruk sehingga kelengkapan seperti perabot dan barangan elektrik rosak.

Penduduk Jennifer Savage, 64, berkata, dia langsung tidak menyangka fenomena air pasang besar kali ini menyebabkan rumahnya terjejas teruk dan persiapan yang dibuat untuk menyambut Hari Krismas juga terkesan.

Katanya, ketika kejadian kira-kira jam 8 pagi semalam dia dan keluarga ke gereja berhampiran dan selepas pulang rumah mereka sudah dinaiki air separas 0.6 meter.

"Terkejut dan sedih apabila masuk ke dalam rumah, tiada apa yang dapat diselamatkan malah ada almari baju yang turut terbalik.

"Malah barangan dapur seperti beras dan gandum yang dibeli untuk memasak juadah Hari Krismas turut ditenggelami air," katanya ketika ditemui

dirumahnya.

Katanya, sebelum ini beberapa kali pernah dimasuki air tetapi tidak seteruk semalam dan hari ini pun masih ada air.

"Minggu lepas kami sudah membina benteng dihadapan rumah untuk menghalang air masuk ke rumah tetapi, semalam air dari depan, belakang masuk begitu cepat," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK) Marina Linda Danker berkata, lebih 40 rumah di perkampungan itu terjejas dan kejadian fenomena air pasang besar semalam adalah yang terburuk sejak 10 tahun.

"Fenomena ini berlaku setiap tahun kali ini adalah yang terburuk dan apa membimbangkan keselamatan serta nyawa penduduk yang berdepan dengan haiwan berbisa.

"Ada yang sudah hias rumah dan terjejas malah kebanyakan mengadu selain perabot, peti sejuk yang rosak jadi diharap kerajaan dapat tampil membantu," katanya.

Katanya, dia yang mewakili penduduk turut berharap tindakan segera dan jangka panjang dapat diambil oleh pihak berkuasa dalam membantu penduduk seperti membina saluran longkang baharu.



**KEADAAN** air melimpah di kediaman Perkampungan Portugis susulan fenomena air pasang besar yang berlaku 5 dan 6 Dis lalu.

## KUIM beralih UNIMEL hujung bulan ini

Faiz Hasan

**KUALA LINGGI** - Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dijangka akan beralih kepada Universiti Melaka (UNIMEL) pada penghujung bulan ini.

Naib Canselornya, Prof Dr Abdul Razak Ibrahim berkata, setakat ini proses dokumentasi untuk menaik taraf kolej itu kepada universiti penuh hampir disiapkan dan mencapai 90 peratus sebelum menerima kelulusan sepenuhnya dengan syarat yang ditetapkan bagi penubuhan universiti.

"Kertas kerja telah pun siap dan kami sedang menunggu panggilan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk mengadakan perbincangan lanjut bagi memastikan hasrat ini tercapai.

"Kita tunggu temu janji dari KPT dan kertas kerja hanya tinggal 10 peratus sahaja lagi sebelum perbincangan terakhir akan diadakan bagi mengiktiraf UNIMEL.

"Semua keperluan sudah disiapkan dan jangkakan Insya-Allah dalam bulan ini atau bulan depan ia akan diiktiraf kerana kita hanya menunggu temu janji itu saja, watah sebagai UNIMEL sudah pun keluar cuma ada perbincangan lanjut sebelum kita melakukan pelancaran selanjutnya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini selepas menghadiri Majlis Menandatangani LOI (Surat Niat) dan Permohonan Serahan Keahlian Korporat bersama Institut Logistik dan Pengangkutan Bertauliah (CILT) Malaysia, 7 Dis lalu.

Hadir sama, Presiden CILT Malaysia Datuk Muhammad Muhiyuddin Abdullah; Presiden CILT Antarabangsa Datuk Ts Abdul Radzak Abdul Malek; Dekan Fakulti Inovasi Perniagaan dan Teknologi, Sarimah Ahmad serta tetamu lain.

Mengulas mengenai majlis tersebut, Abdul Razak berkata, pihaknya komited menjalinkan kerjasama dengan CILT dalam usaha melahirkan kebolehpasaran graduan dalam bidang pengangkutan dan logistik.

Katanya, KUIM bersama CILT akan memperkasa pendekatan terus dari 'universiti keindustri' sekali gus membuka peluang pekerjaan buat graduannya.

"Kita akan memperkembangkan di KUIM dengan ilmu dan pengajian profesional dengan penambahan kursus-kursus bagi memastikan kita boleh bawa graduan kita menceburi dalam bidang industri khususnya pengangkutan dan logistik.

"Kita akan pastikan dalam dua tiga tahun akan datang kaedah universiti ke industri ini akan tercapai dengan kebolehpasaran pelajar kita ke peringkat itu.

"KUIM amat menggalakkan kerjasama diantara pihak industri, agensi atau mana-mana badan profesional yang boleh membantu memberi nilai tambah kepada pelajar dan pensyarah," katanya.



**DR Abdul Razak bersama Muhammad Muhiyuddin selepas Majlis Menandatangani LOI (Surat Niat) dan Permohonan Serahan Keahlian Korporat bersama CILT Malaysia.**

## Sensasi soto RM2 di Ayer Limau

Din Ahmad

**AYER LIMAU** - Meskipun harga ayam melambung tinggi sejak akhir-akhir ini, tetapi soto Mak Semah masih mengekalkan harga RM2 semangkuk.

Mak Semah atau nama sebenarnya Semah Baba, 63, tidak mahu menjadikan kenaikan harga ayam sebagai faktor untuk meningkatkan harga jualan soto yang sudah sebatib sebagai air tangannya sejak lebih 10 tahun lalu.

Katanya, meskipun harga ayam standard dijual pada harga maksimum RM9.30 sejak 7 Dis dan pada paras antara RM8.70 hingga RM10 sekilogram sebelum itu, dia tetap tidak mengubah harga soto.

"Memang saya dan peniaga makanan lain terbeban dengan kenaikan harga ayam sejak lima bulan lalu dan paling tinggi ia mencecah RM10 dua minggu lalu.

"Bagaimanapun, saya masih mampu menyerap kesan kenaikan harga ayam dengan menjual lebih 100 mangkuk soto sehari tanpa mengurangkan walau sedikit pun ayam carik yang menjadi antara ramuan utama soto," katanya ketika ditemui di warungnya di Kampung Bukit Apit, di sini, 8 Nov lalu.

Semah berkata, harga ayam hanya RM5.80 sekilogram pada Ogos lalu namun terus meningkat setiap bulan sehingga dia mula merasai kesannya.

"Harganya terus meningkat kepada RM10 sekilogram dua minggu lalu dan ketika itu saya sudah mula terfikir untuk menaikkan harga soto tetapi saya batalkan hasrat selepas berfikir panjang kerana masih mampu menyerap kenaikan itu," katanya.

Beliau berkata, soto yang dihasilkan melalui resipi yang diciptanya sendiri mampu menarik kehadiran pelanggan yang bukan setakat di kampung itu, malah dari pekan Masjid Tanah dan Alor Gajah.

"Alhamdulillah, kebanyakan pelanggan tetap memesan soto berisi mi atau bihun atau ketupat semata-mata dan walaupun ada tiga jenis soto, harganya tetap sama RM2 semangkuk," katanya.

**SEMAH** menunjukkan soto RM2 semangkuk yang dijualnya sejak lebih 10 tahun lalu di warungnya di Kampung Bukit Apit, Masjid Tanah.





# SMK Seri Pengkalan 'kilang' bakat bola sepak Melaka



PEMAIN PLD Alor Gajah-SMK Seri Pengkalan menjulang Piala Datuk Revindran 2021 yang dimenangi mereka.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**SEKOLAH** Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pengkalan diharap mampu menjadi antara 'kilang' melahirkan bakat bola sepak di negeri ini pada masa akan datang.

Demikian harapan Ketua Jurulatih Pusat Latihan Daerah (PLD) Alor Gajah- SMK Seri Pengkalan, Azrul Affendy Borhan, 42.

Harapan itu dizahirkan selepas melihat potensi sekolah berkenaan apabila memenangi kejohanan bola sepak utama negeri ini dalam tempoh dua tahun berturut-turut.

Azrul berkata, tiada rahsia tertentu yang dipraktikkannya sejak membimbing skuad bola sepak negeri itu.

Namun, katanya, dengan berkat sokongan pihak sekolah, khususnya Pengetua SMK Seri Pengkalan, Mahfudzah Mohamed Nor dan ibu bapa sendiri, psukannya terus memacu kecemerlangan dalam sukan bola sepak.

"Semua kejayaan yang diperolehi adalah berkat usaha, sabar dan kerjasama antara semua pemain dan barisan kejurulatihan yang kemudiannya disokong oleh ibu bapa dan pihak sekolah.

"Melihat kepada kejayaan demi kejayaan yang diraih sudah tentulah saya sangat berharap sekolah ini mampu melahirkan bintang bola sepak suatu hari nanti.

"Saya percaya jika terus digilap, pemain-pemain dari sekolah ini boleh bersinar bukan sahaja di peringkat negeri, bahkan boleh mengharumkan nama negara," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Terbaharu PLD Alor Gajah - SMK Seri Pengkalan dinobatkan sebagai johan Piala Datuk Revindran 2021 yang diadakan di Stadium Hang Tuah, 5 Disember selepas menewaskan PLD High School 1-0 pada perlawanan akhir.

Lebih manis, Azrul memaklumkan ia merupakan piala kedua berturut-turut diraih pasukannya selepas turut memenanginya pada edisi tahun lalu.

Beliau berkata, selaku johan, pasukannya membawa pulang piala, medal dan sijil kejohanan, selain beberapa pemainnya akan terpilih mewakili Melaka di pertandingan peringkat kebangsaan di Akademi Mokhtar Dahari (AMD).

"Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak khususnya pemain, barisan kejurulatihan, ibu bapa, pihak sekolah dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

"Tidak dilupakan juga kepada Ketua Jurulatih Remaja Melaka Rashid Mamud, kerajaan negeri, khususnya Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali serta Persatuan Bolasepak Melaka United (MUSA) yang banyak memberi bimbingan dan galakan untuk sampai ke tahap ini.

"Diharap, kejayaan yang dicapai ini tidak akan terhenti dan berterusan demi pembangunan akar umbi bola sepak di negara dan negeri ini," katanya.

**KRUBONG HEIGHTS**  
HAK MILIK KEKAL

Untuk Bumiputera Sahaja  
**20' x 70'**  
Rumah Teres 2 Tingkat  
4 Bilik Tidur | 3 Bilik Air

## Keharmonian tercipta disini...

Taman Krubong Heights merupakan bandar bersepadu yang terulung. Berlokasi di persekitaran yang strategik dan indah. Hartanah unggul yang berprestij dan selektif ini dapat memenuhi citarasa gaya hidup anda.



Watch Interior **360°** view >>

<https://krubongheights-bumi.weebly.com/>



2.331.139,  
102.241.028

**06. 337 3333**  
[www.pbrealty.com.my](http://www.pbrealty.com.my)

012. 601 0486  
Vinz Lee  
012. 661 1682  
Tammy Ong

012. 638 4496  
Yen  
012- 606 8195  
Sylvia Chew

012. 698 6255  
Kelly Ong  
010- 279 3971  
Elynn Un

012. 667 0833  
Sara Siow  
018- 955 5177  
Edwin Chan

012. 618 7922  
Zura  
011- 7496 0874  
Aqilah

Pemaju:  
**PB REALTY SDN BHD** 338851-D

No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan PK 8,  
Taman Perindustrian Krubong,  
75260 Melaka. Fax: 06.336 5678 [www.pbrealty.com.my](http://www.pbrealty.com.my)

\* No. Lesen Pemajuan Perumahan : 8187-11/07-2022/0419(L) • Tempoh Sah : 22/07/2020 hingga 21/07/2022 • No. Permit Iklan & Jualan : 8187-11/07-2022/0419(P) • Tempoh Sah : 22/07/2020 hingga 21/07/2022 • Pihak Yang Meluluskan Pelan : MBMB • No Rujukan : MBMB/UKB.03025/08/2018(10) • Tarikh Jangka Siap : July 2022 • Pegangan Tanah : Hak Milik Kekal • Bebanan Tanah : Hong Leong Bank Berhad • Harga Jualan dan Jumlah Unit : RM412,500.00 min. RM615,000.00 maks. (76 unit)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



# Sukan

MELAKA HARI INI



Kilang  
bakat  
bola  
sepak  
Melaka  
23



## Melaka United idam tiga terbaik 2022

Fiqa Jamal

**KELAB** Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) meletakkan sasaran untuk menjadi kelab yang menduduki kelompok tiga terbaik dalam saingan Liga Super musim depan.

Ketua Pegawai Eksekutif Melaka United FC, Datuk Seri Justin Lim sasaran itu diletakkan selepas melihat prestasi membanggakan skuad Hang Tuah yang berjaya mara ke separuh akhir Piala Malaysia edisi ke-100, baru-baru ini.

Katanya, bagi merealisasikan sasaran itu beberapa perubahan bakal dilakukan termasuklah membawa masuk penyerang berkualiti untuk menyarung jersi hijau putih musim depan.

Tanpa berselindung, beliau mengesahkan sudah hampir pasti akan menandatangani penjarang terbanyak Liga Super musim 2020 yang merupakan bekas penyerang Selangor FC, Ifedayo Olusegun.

"Beberapa pemain tonggak utama Melaka United akan dikekalkan, kita juga sudah mengesahkan pengambilan Ifedayo yang akan mengisi barisan pemain Melaka United musim depan.

"Prestasi cemerlang Ifedayo musim ini antara sebab Melaka United menawarkan tempat yang mana kita yakin kehadirannya mampu memberi pulangan lumayan kepada

pasukan.

"Selain itu, beberapa muka baharu lain akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

"Jadi, kita sasarkan Melaka United sekurang-kurangnya berada di 'top 3' dalam Liga Super sekali gus mencuba lagi untuk berada di final Piala Malaysia musim depan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini selepas menerima Darjah Cemerlang Seri Melaka (D.C.S.M) yang membawa gelaran Datuk Wira pada Majlis Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021 sesi ketiga, 5 Dis lalu.

Untuk rekod, Ifedayo bukanlah nama asing bagi Melaka United kerana pernah beraksi untuk pasukan itu pada musim 2018 lalu.

Bekas peledak kelahiran Nigeria itu pu-

“ kita sa s a r k a n M e l a k a U n i t e d se k u r a n g - k u r a n g n y a b e r a d a d i ‘ t o p 3 ’ d a l a m L i g a S u p e r s e k a l i g u s m e n c u b a l a g i u n t u k b e r a d a d i f i n a l P i a l a M a l a y s i a m u s i m d e p a n . ”

lang ke pangkuan skuad Hang Tuah selepas tiga tahun meninggalkan menyertai pasukan lain.

Dalam pada itu, Justin memaklumkan, kelab itu hanya akan melakukan perubahan kecil dan mengekalkan 80 peratus mukalama. Bagaimanapun, katanya keputusan mengenai Ketua Jurulatih Zainal Abidin Hassan sama ada kekal atau tidak masih berada di peringkat perbincangan pada ketika ini.

"Anggaran pertukaran pemain musim depan tidak lebih 20 peratus, ini kerana mereka semua pemain menunjukkan mutu permainan dan usaha yang sangat baik untuk mengekalkan kedudukan Melaka United sehingga ke pentas separuh akhir musim ini.

"Namun segala keputusan mengenai nasib pemain dan jurulatih akan di beritahu dalam masa terdekat," katanya.



**JUSTIN** menerima Darjah Cemerlang Seri Melaka (D.C.S.M) yang membawa gelaran Datuk Wira pada Majlis Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri Melaka 2021.